

BAB 4

PENGALAMAN A. SAMAD ISMAIL DALAM ANTOLOGI *INGIN JADI PUJANGGA*

4.0 Pengenalan

Bab ini mengemukakan aplikasi teori dialogisme terhadap antologi *Ingin Jadi Pujangga* dengan lebih mendalam. Analisis yang akan dilakukan dalam bab ini adalah berdasarkan kepada hakikat teori dialogisme itu sendiri yang menghubungkan antara teks dalaman dan teks luaran. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab 2, teks ataupun unsur luaran ini adalah berkaitan dengan elemen sosial yang berkait erat dengan seseorang pengarang itu sendiri seperti pengalaman pengarang, ideologi, latar belakang, sejarah, budaya dan sebagainya. Dalam bab ini, analisis akan dilakukan bagi melihat pengalaman-pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang kemudiannya telah digarap dan dijelmakan dalam cerpen-cerpen beliau yang terimpun dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*. Pengalaman-pengalaman tersebut adalah seperti pengalaman A. Samad Ismail semasa tinggal bersama keluarganya di Kampung Melayu, pengalaman sebagai wartawan dan sebagai ketua pengarang akhbar, pengalaman semasa pendudukan Jepun, dan pengalaman semasa dalam tahanan.

4.1 Pengertian Pengalaman

Pengalaman membawa pengertian sebagai sesuatu perkara yang sama ada telah dialami, dirasai dan juga telah ditempuhi oleh seseorang dalam kehidupannya (Teuku Iskandar, 1996 : 25). Menurut Hasan Langgulung (1986 : 309), pengalaman

adalah sesuatu yang menguasai manusia dan manusia itu sendiri merupakan suatu objek yang akan memberikan reaksi apabila menerima rangsangan daripada lingkungannya. Pengalaman boleh sahaja berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan dengan ditentukan oleh pensyaratannya tertentu.

Faure dan Edgar (1993 : 192 dan 194) pula berpendapat bahawa pengalaman dilakukan sama ada secara sedar ataupun tidak di mana melaluinya manusia akan terus belajar dan melatih diri mereka sepanjang hayat lebih-lebih lagi dengan pengaruh persekitaran yang akan membentuk tingkah laku, konsep hidup mereka dan kandungan pengetahuan mereka. Melalui pengalaman yang pelbagai dan sentiasa bertambah pada setiap masa, manusia akan belajar untuk menyatakan tentang dirinya kepada orang lain dan bagaimana hendak berhubung dengan alam sekelilingnya.

Suatu lagi takrif yang diberikan tentang pengalaman adalah pengalaman itu merupakan suatu proses pembudayaan yang dilakukan terutamanya oleh ahli-ahli keluarga sendiri dan amat penting kerana keluarga akan mendidik, mengasuh dan mengajar kanak-kanak tentang gaya hidup dalam sesuatu masyarakat mengikut adat resam dan nilai-nilai sosial serta agama yang direldai. Pengalaman pembudayaan pada peringkat awal akan memberi kesan yang lama terhadap pandangan dan sikap hidup seseorang. Pengalaman yang positif sifatnya akan mewujudkan pemikiran yang progresif sementara pengalaman yang negatif pula akan mencorakkan sikap yang pasif (Kamarudin Haji Kachar, 1989 : 75).

Menurut Ralph W. Tyler (1992 : 54) pula telah memberikan takrif pengalaman sebagai suatu interaksi individu dengan alam sekelilingnya dan individu terbabit adalah peserta yang aktif yang menjadikannya akan bertindak terhadap ciri-

ciri tertentu dalam persekitarannya yang dapat menarik perhatiannya. Tindak balas yang terhasil dalam proses interaksi tersebut adalah suatu proses pembelajaran dalam kehidupannya yang akan membentuk pula sikap dalam dirinya.

Mikhail Bakhtin seperti yang telah dipetik daripada Tzvetan Todorov dalam bukunya yang bertajuk *Prinsip Dialogikal Mikhail Bakhtin* (1994 : 24, 37, 97, 110, 111), telah memberikan pengertian pengalaman sebagai satu asas disiplin kemanusiaan yang tidak mempunyai sempadan mutlak yang tidak dapat ditembusi. Pengalaman terletak dalam satu wilayah sosial dan merupakan hasil kepada hubungan sosial. Seterusnya, Bakhtin turut menekankan bahawa pengalaman adalah satu bentuk genre yang diskursif sifatnya dan diwujudkan oleh manusia sendiri kerana mempunyai hubungan yang rapat antara pengalaman seseorang dengan seseorang yang lain. Kewujudan hakiki manusia juga dapat diterangkan melalui pengalaman yang dialaminya.

Secara tepatnya, dapatlah dikatakan bahawa pengalaman membawa pengertian sebagai suatu proses interaksi atau perhubungan sama ada telah dirancang ataupun tidak yang berlaku pada manusia sama ada pada masa lampau ataupun pada masa kini. Tindakan yang terbit daripada hasil interaksi tersebut akan membentuk pula sikap individu tersebut terhadap orang lain dan alam sekelilingnya. Proses interaksi antara manusia dan alam sekelilingnya akan menghasilkan pula pengalaman sama ada yang positif mahupun negatif. Pengalaman yang positif dan negatif ini akan membentuk sikap seseorang dan bagaimana individu tertentu menghadapinya dalam kehidupan sehariannya yang akan membentuk keadaan fizikal, mental dan emosi manusia itu sendiri.

4.2 Pengalaman Tinggal Bersama Keluarga Di Kampung Melayu

A. Samad Ismail sebagai seorang pengarang yang sangat sensitif dengan persekitarannya, sangat berhati-hati apabila memilih sesuatu watak dan isu dalam setiap karya yang dihasilkannya. Sering kali pengalaman beliau semasa zaman kanak-kanak dan ketika zaman remaja terutamanya ketika beliau tinggal di Jalan Yahaya, Kampung Melayu telah digunakan sebagai latar dalam karya-karya cerpennya iaitu sama ada sebagai latar masa, latar tempat mahupun sebagai latar masyarakat.

A. Samad Ismail seringkali menggunakan dirinya sendiri, keluarganya ataupun keadaan kehidupannya sendiri di Kampung Melayu sebagai subjek dalam cerpen-cerpennya walaupun beliau akan mengubah sedikit sebanyak latar seperti penggunaan nama watak-watak dan sebagainya bagi disesuaikan dengan karya-karya yang dihasilkannya. Haruslah diingat, bahawa A. Samad Ismail telah tinggal di Kampung Melayu bersama keluarganya bukan sahaja semasa kecil malah beliau terus tinggal di situ walaupun setelah berkahwin dengan isterinya, Puan Hamidah Binti Hassan dan kemudiannya apabila beliau memperoleh beberapa orang anak. Hanya apabila berlaku krisis antaranya dengan Yusof Ishak iaitu pengurus di *Utusan Melayu* yang mengakibatkan beliau berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1958 untuk berkhidmat dengan akhbar *Berita Harian*, barulah beliau mula belajar hidup bersendirian hanya bersama isteri dan anak-anaknya.

Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan sekiranya kehidupan beliau di Kampung Melayu sering digunakan sebagai bahan dalam cerpen-cerpennya kerana keadaan kehidupan beliau dan keluarganya di kampung tersebut banyak

mempengaruhi dan banyak menimbulkan nilai-nilai nostalgia dalam diri A. Samad Ismail sendiri. Misalnya, A. Samad Ismail banyak menggunakan kehidupan keluarga dan keadaan rumah yang dibina sendiri oleh bapanya di Kampung Melayu dalam cerpen-cerpen yang termuat dalam Antologi *Ingin Jadi Pujangga*. Hal ini jelas terdapat dalam cerpen yang bertajuk “Rumah Pak Haji Harun” (1995 : 221-242). Di dalam cerpen ini diceritakan bagaimana watak utama dalam cerpen ini iaitu Ali, telah menceritakan bagaimana ayahnya iaitu Haji Harun telah membina dengan tenaganya sendiri rumah yang didiami oleh keluarga mereka.

Hanya dalam satu hal Haji Harun dapat berbangga. Rumah itu dibuatnya sendiri....
("Rumah Pak Haji Harun", 1995 : 225)

Haji Harun pandai pula bertukang. Dia pernah bertukang ketika muda-muda dahulu.... Tetapi kerjanya kemas. Papan-papan dinding rumah itu berketam halus. Lantai-lantainya daripada papan-papan kayu yang dibelinya second hand dari rumah-rumah kerajaan yang telah dibongkar oleh Jabatan Kerja Raya. Demikian juga tiang-tiang rumah itu. Papan-papan dinding dijemurnya dahulu berminggu-minggu lamanya sebelum diketamnya. Orang kampung memuji hasil kerja Haji Harun.... Dan tangga rumahnya bersimen dari tepi lorong itu hingga ke serambi.

("Rumah Pak Haji Harun", 1995 : 227)

Selain itu, dalam cerpen ini juga Ali turut menceritakan bagaimana ayahnya iaitu Haji Harun telah membawa mereka sekeluarga tinggal di rumah tersebut walaupun rumah yang dibina itu belum siap sepenuhnya.

Ayahnya pencer lima tahun lalu dan mereka berpindah ketika rumahnya masih belum siap lagi. Hanya dapurnya sahaja yang telah siap. Bahagian tengah rumah dan serambi baru

terpasang tiang-tiangnya sahaja. (Bahagian hadapan dapur yang bakal bersambung dengan bahagian tengah rumah dan serambi terdedah seperti seekor binatang yang sedang menggangga). Mereka tidur di amben dan apabila malam, Ali tergilil dalam selimutnya oleh angin yang bertiup dari bahagian hadapan dapur yang terdedah. Dan kalau hujan lebat, dapur itu tempias.

(“Rumah Pak Haji Harun”, 1995 : 226)

Keadaan dan proses pembinaan rumah yang terdapat dalam cerpen ini sebenarnya mempunyai banyak persamaan dengan proses-proses pembinaan rumah yang telah dilakukan oleh Haji Ismail iaitu bapa A. Samad Ismail seperti yang telah diceritakannya sendiri dalam bukunya *Memoir A. Samad Ismail* (1993 : 78–79). Selain itu, A. Samad Ismail juga telah turut menceritakan bagaimana bapanya, Haji Ismail telah membawa mereka berpindah ke rumah tersebut selepas bersara daripada jawatannya sebagai Guru Besar walaupun serambi rumah tersebut belum siap sepenuhnya dan yang siap hanyalah pada bahagian dapurnya sahaja.

Rumah saya di Jalan Yahaya, dibina sendiri oleh ayah sebelum dia bersara. Pada injung minggu dia akan ke kampung tersebut memulakan pembinaan rumah itu. Bahan-bahan seperti batu, kayu dan sebagainya disiapkan terlebih dahulu dan dilonggok di tanah tapak rumah itu. Kayu-kayu untuk tiang dan jendela dari rumah-rumah kerajaan yang telah dirobohkan, tetapi masih kuat dan kukuh. Apabila ayah bersara, rumah itu belum siap terdiri. Yang siap sempurna hanya bahagian dapurnya sahaja, sedangkan ruang besar rumah masih kosong melainkan tiang dan lantai sahaja. Sebenarnya ayah pandai bertukang.

(“A. Samad Ismail”, 1993 : 78–79)

Rumah saya memang besar.....dan ayah yang dengan tangannya sendiri membuat rumah itu banyak menggunakan bahan-bahan second hand

untuk mendirikan rumah tersebut. Tingkap, papan lantai dan batu-bata untuk rumah dibelinya dari kontraktor kerajaan (Jabatan Kerja Raya) lama sebelum dia bersara. Bila sahaja JKR merobohkan rumah-rumah kerajaan yang usang, ayah akan membeli tingkap, batu-bata, papan-papan dari kontraktor yang dikumpul kemudiannya di tanah kosong yang bakal menjadi tapak rumah kami.

(A. Samad Ismail, 1993 : 239)

Daripada petikan-petikan tersebut jelas dapat dilihat bagaimana pengalaman

A. Samad Ismail dan keluarganya terutamanya yang banyak membabitkan bapanya, Haji Ismail telah beliau serapkan ke dalam cerpen “Rumah Pak Haji Harun”. Keadaan ini menjadikan cerpen tersebut begitu ‘hidup’ kerana ianya berdasarkan kepada pengalaman A. Samad Ismail sendiri. Selain itu, dalam cerpen yang sama juga A. Samad Ismail melalui watak utamanya iaitu Ali telah menceritakan keadaan rumah tersebut semasa dan selepas berlakunya pertempuran hebat antara pihak Inggeris dan pihak Jepun semasa perang. Keadaan ini sebenarnya adalah berdasarkan kepada pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang telah mengalami sendiri keadaan tersebut seperti yang jelas terlihat dalam petikan-petikan berikut:

“Rumah depan hancur, pak, kena shell!” kata Ali. Dia dapat melihat air muka ayahnya berubah sedikit, putih berkilat..... Bunyi wisel kedengaran lagi, mula-mula sayup jauh, kemudian dekat dan dapur itu bergoncang dan bergegar. Lampu minyak tanah di amben, bergerak-gerak dan zink-zink dapur seperti terangkat.

(“Rumah Pak Haji Harun”, 1995 : 239)

Letupan-letupan makin kuat dan dekat seolah-olah sekeliling rumah itu sedang dibedil..... Ali tidak bergerak. Ledakan-ledakan itu seperti tidak lagi sedahsyat tadi. Satu letupan menggegarkan dapur itu, lebih kencang dan lebih

kuat daripada letupan-letupan sebelumnya. Halaman rumahnya seperti disambar petir kerana dalam seketika itu, dapur itu terang. Ali tercium keras bau hangit, seperti bau karbaid dan bau kayu dibakar. Kabus asap menyelubungi halaman rumahnya. Pinggan mangkuk terpelanting pecah, barang-barang terjatuh ke jubin dan zink bergegar.

(“Rumah Pak Haji Harun”, 1995 : 240–241)

Peristiwa-peristiwa yang mencemaskan yang terjadi kepada Ali dan keluarganya dalam cerpen tersebut sebenarnya telah turut dialami sendiri oleh A. Samad Ismail dan keluarganya berdasarkan petikan berikut:

Pada suatu malam terjadilah pertempuran sengit di luar kampung. Tentera British dan India bertembung dengan askar-askar Jepun di jalan besar kampung dan terjadilah pertempuran tembak menembak. Pada sebelah malamnya, tentera British dan India di bawah bukit kampung membedil askar-askar Jepun yang berkumpul di luar kampung kami. Peluru meriam menghujani kampung. Beberapa rumah di lorong kami terbakar terkena bedilan meriam. Beberapa peluru meriam katak jatuh ke dalam pekarangan rumah kami. Sebutir peluru meriam membinaaskan sebahagian tangga batu dan beranda rumah. Serpihan peluru malam itu terkena juga dinding-dinding rumah kami..... Allah s.w.t, melindungi rumah kami. Hanya tangga batu sahaja yang musnah selain dari dinding-dinding serta tingkap-tingkap yang berlubang-lubang terkena serpihan peluru meriam mortar tentera British

(A. Samad Ismail, 1993 : 240)

Selain cerpen “Rumah Pak Haji Harun”, A. Samad Ismail telah turut memuatkan pengalaman bapa dan keluarganya sendiri dalam membina rumah keluarga mereka yang terletak di Jalan Yahaya, Kampung Melayu dalam sebuah lagi cerpennya yang termuat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* iaitu bertajuk “Penulis

Tua". Dalam cerpen ini, A. Samad Ismail telah menggunakan watak Haji Reza sebagai watak utamanya yang digambarkan sebagai mempunyai banyak persamaan dengan sifat-sifat yang ada pada bapa A. Samad Ismail sendiri iaitu Haji Ismail. Misalnya dalam cerpen "Penulis Tua", A. Samad Ismail telah menceritakan bagaimana Haji Reza iaitu watak utama dalam cerpen ini yang pandai bertukang, telah berusaha untuk membina sendiri rumah yang menjadi kediaman keluarganya. Beliau telah berusaha untuk membina rumah tersebut semenjak sebelum beliau bersara lagi daripada jawatannya sebagai guru di sebuah sekolah di Geylang.

Haji Reza terkenal sebagai tukang rumah. Sejak membangunkan sendiri rumahnya dahulu, penduduk kampung mengenalinya sebagai tukang rumah..... Dinding-dinding rumahnya berketal kemas, tangga batunya marmar, jendelanya daripada kayu baik. Pendeknya buatan rumahnya kukuh. Sebelum bersara ketika masih mengajar lagi, dia berulang-alik dari quartersnya di Geylang ke kampung itu, mengerjakan sendiri rumahnya itu; mula-mula dia mendirikan dapur, kemudian bahagian tengah rumah sedikit demi sedikit, minggu demi minggu hinggaalah siap terbina di tanah lotnya. Penduduk kampung mengagumi ketekunannya dan keahliannya sebagai tukang. "Saya memang guru tukang," katanya kepada mereka.

(“Penulis Tua”, 1995 : 730)

Keadaan ini bertepatan sekali dengan pengalaman dan sejarah hidup Haji Ismail yang juga merupakan seorang bekas Guru Besar dan memang terkenal sebagai seorang yang pandai bertukang serta pernah mengadakan kelas bertukang ketika menjadi Guru Besar di Sekolah Katong. Hal ini telah diceritakan sendiri oleh A. Samad Ismail seperti yang tergambar dalam petikan berikut:

Sebenarnya ayah pandai bertukang. Ketika menjadi guru besar di Sekolah Katong, beliau

mengadakan kursus-kursus pertukangan untuk para guru. Perabot di rumah kami adalah hasil pertukangannya – meja, kerusi, almari, rak-rak buku dan sebagainya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 78–79)

Di dalam cerpen “Penulis Tua”, A. Samad Ismail turut menggambarkan Haji Reza sebagai seorang yang mahir bertukang dan membuat sendiri perabot-perabot yang terdapat di rumahnya selain berusaha untuk menambah pendapatannya dengan cuba menjual perabot-perabot yang dibuatnya itu.

Kemudian dia mencuba bidang lain pula, membuat almari buku, kerusi, meja dan perabot. Tetapi belanja menyediakan perabot-perabot itu agak besar. Tambahan pula dia terpaksa bekerja sendiri di bawah rumahnya.

(“Penulis Tua”, 1995 : 735–736)

Selain itu, watak Haji Reza dalam cerpen tersebut digambarkan sebagai mempunyai satu lagi persamaan dengan bapa A. Samad Ismail iaitu kedua-duanya digambarkan sebagai sangat berminat dan mempunyai kebolehan dalam membuat tuisan khat seperti yang tergambar dalam kedua-dua petikan berikut:

Ketika menjadi guru besar dahulu, dia mengambil upah menulis khat. Tulisan-tulisan khatnya mengambil ilham daripada ayat-ayat suci Al-Qur'an yang ditulismu di atas bingkai kaca dengan cat dan kertas emas untuk dijadikan hiasan dinding.

(“Penulis Tua”, 1995 : 735)

Saya tidak dibenarkan menggantung gambar-gambar fotó saya di dinding kerana ini mencemarkan ayat-ayat Al-Qur'an dan hadis yang menghiasi dinding itu. Ayah adalah seorang penulis khat yang baik, dan setelah bersara, menulis khat menjadi hobinya dengan menggunakan cat dan kertas emas serta dakwat

hitam.... Dinding hadapan rumah saya penuh dengan bingkai-bingkai tulisan khat.

(“A. Samad Ismail”, 1993 : 76)

Sebenarnya melalui cerpen “Penulis Tua” ini, A. Samad Ismail dengan secara jelas telah menggunakan kehidupan serta pengalaman bapa serta sejarah hidup bapanya itu sendiri sebagai bahan penulisan. Misalnya, dalam cerpen ini, A. Samad Ismail telah menggambarkan Haji Reza adalah seorang yang sangat dihormati di kampungnya kerana bukan sahaja beliau adalah seorang bekas guru, malahan beliau juga telah dianggap sebagai ketua oleh masyarakatnya kerana bapa Haji Reza adalah seorang syeikh haji yang bertanggungjawab menguruskan urusan haji di kalangan kaumnya serta menguruskan kehidupan mereka di Singapura.

Mereka mentaatinya, kerana menganggapnya sebagai ketua mereka, sebab ayahnya yang menjadi syeikh haji yang bertanggungjawab membawa datuk nenek mereka dari Jawa untuk menetap di Singapura.

(“Penulis Tua”, 1995 : 718)

Bapa A. Samad Ismail iaitu Haji Ismail juga turut dihormati di Kampung Melayu kerana bukan sahaja beliau adalah seorang bekas Guru Besar yang mempunyai ramai bekas anak murid yang terkenal di Singapura tetapi juga kerana bapa Haji Ismail yang bernama Haji Syairazi adalah seorang syeikh haji yang menguruskan urusan haji bagi orang-orang Jawa yang berasal dari Banyumas, Pulau Jawa. Haji Ismail juga agak aktif dalam bidang penulisan semasa mudanya dan pernah menyumbangkan hasil-hasil tulisannya kepada beberapa akhbar yang ada pada masa itu. Selain itu, Haji Ismail turut mengenali beberapa orang pengarang akhbar pada masa itu seperti Haji Hashim dan Rahim Kajai (A. Samad Ismail, 1993 : 78-79).

Ayah adalah di antara guru tertua di Singapura. Penuntut-penuntutnya termasuk Haji Ambo' Soolah, pemimpin Kesatuan Melayu. Seorang lagi yang tekenal ialah Syed Hussein al-Sagoff, tuan punya Warta Malaya. Ketika Syed Hussein masih memiliki Warta Malaya sebelum perang, kami menerima percuma naskah Warta Malaya, Warta Ahad dan Warta Jenaka. Selain itu, ayah juga menulis untuk Warta Malaya. Pada zaman mudanya, ayah pernah bersama beberapa temannya menerbitkan sebuah majalah. Kerana itulah agaknya dia kenal dengan beberapa pengarang tua Singapura seperti Haji Hashim yang memimpin Warta Malaya sebelum Kajai yang juga dikenalinya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 79)

Dalam cerpen yang bertajuk "Penulis Tua" ini juga sebenarnya, A. Samad Ismail banyak mengambil pengalamannya sendiri serta keluarganya sebagai latar. Seperti contohnya, watak Haji Reza dalam cerpen ini digambarkan sebagai tokoh yang sangat dihormati dan mempunyai ratusan anak murid yang sesetengahnya telah menjadi pemimpin bangsa. Malahan, tuan punya akhbar tempat Rahim Kajai berkhidmat itu juga adalah merupakan bekas anak murid Haji Reza. Dalam cerpen ini juga Haji Reza dikatakan pernah mengirimkan rencana-rencana tentang ilmu pertukangan untuk disiarkan kepada akhbar mingguan *Warta Ahad*. Haji Reza turut mengirim berita-berita sukan, majlis perkahwinan dan sebagainya kepada Haji Yunus Hashim, pengarang bahagian agama *Warta Malaya* (*Ingin Jadi Pujangga*, 1995 : 727). Keadaan ini bersamaan dengan apa yang diceritakan oleh A. Samad Ismail tentang bapanya, Haji Ismail berdasarkan petikan seperti di atas.

A. Samad Ismail bukan sahaja telah memasukkan pengalaman bapanya dalam cerpen ini malahan dalam banyak hal, beliau juga telah meletakkan dirinya sebagai mempunyai persamaan dengan watak Sulaiman iaitu anak Haji Reza. Di

dalam cerpen “Penulis Tua” ini, Sulaiman dikatakan telah menerima keputusan yang baik dalam peperiksaan sekolah Melayu dan atas hasil usaha seorang pegawai Persatuan Melayu yang bernama Kamsani, Sulaiman telah menerima biasiswa persatuan tersebut sehingga ke peringkat Senior Cambridge. Selain itu, Persatuan Melayu juga menginginkan agar Sulaiman menjadi seorang wartawan dan menceburkan diri dalam bidang persuratkhabaran apabila tamat belajar nanti. Secara realitinya, A. Samad Ismail (1993 : 24), juga pernah menerima biasiswa daripada Kesatuan Melayu Singapura semasa di darjah lima berdasarkan prestasi beliau yang sangat memberangsangkan dalam bidang pelajaran. Beliau pernah melompat kelas sebanyak tiga kali.

Biasiswa yang diterima oleh A. Samad Ismail itu telah diteruskan sehingga beliau menamatkan persekolahannya di peringkat Senior Cambridge. Pegawai yang bertanggungjawab dan yang telah ditugaskan oleh pihak Kesatuan Melayu Singapura untuk mengumpulkan maklumat tentang prestasi A. Samad Ismail adalah Rahim Ibrahim. Pihak Kesatuan Melayu Singapura jugalah yang telah mempengaruhi Haji Ismail agar menyuruh A. Samad Ismail berkerja dan melibatkan diri dalam bidang kewartawanan walaupun A. Samad Ismail lebih berminat untuk menjadi seorang kerani sahaja (A. Samad Ismail, 1993 : 28–29).

Selain daripada cerpen “Rumah Pak Haji Harun” dan “Penulis Tua”, terdapat juga beberapa buah cerpen dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* yang turut mengambil pengalaman A. Samad Ismail dan keluarganya semasa tinggal di Kampung Melayu. Antara cerpen tersebut adalah seperti cerpen yang bertajuk “Belum Baik-baik Lagi”, “Ah Khaw Masuk “Syurga””, “Kau Mesti Sunat, Kata Bapa” dan “Mandi Kolam”. Misalnya, dalam cerpen “Mandi Kolam”, A. Samad

Ismail telah mengambil pengalaman semasa zaman kanak-kanaknya sebagai bahan untuk digarapnya. Cerpen “Mandi Kolam” mengisahkan tentang bagaimana watak utamanya iaitu Halim bersama kawan rapatnya iaitu Ambak tinggal di sebuah kawasan penempatan penduduk Melayu. Di kawasan tersebut, terdapat sebuah kolam yang digunakan oleh penduduk untuk mandi dan membasuh. Kanak-kanak tersebut mempunyai cara yang tersendiri untuk menghalau kaum wanita yang membasuh di situ kerana golongan wanita tersebut dianggap oleh Halim dan Ambak sebagai mengotorkan air kolam tersebut. Mereka cuba menghalau kaum wanita dan kanak-kanak perempuan yang membantu ibu mereka yang membasuh di situ dengan cara melarikan kain mereka yang sedang mandi atau membasahkan kepala mereka yang sedang membasuh.

Sebenarnya, perbuatan Halim dan Ambak yang sering mandi kolam selepas bermain bola dan mencuri ubi serta buah-buahan di kampung tersebut adalah secara realitinya menggambarkan tentang pengalaman A. Samad Ismail semasa zaman kanak-kanaknya. A. Samad Ismail (1993 : 78), menceritakan bagaimana Kampung Melayu pada masa itu adalah salah sebuah kampung yang terulung di Singapura dan mempunyai beberapa kemudahan yang tidak terdapat di kampung-kampung lain. Antara kemudahan tersebut adalah sebuah kolam yang digunakan oleh penduduk kampung. A. Samad Ismail (1993 : 19), turut menambah bagaimana pada zaman kanak-kanaknya, beliau sering pergi mencuri keledek dan ubi kayu bersama kawan-kawannya di sebuah kebun Cina yang terletak berhampiran dengan kampungnya dan beliau sering ponteng kelas serta banyak bermain-main daripada belajar semasa berada dari darjah satu hingga darjah tiga (1993 : 23).

Dalam cerpen “Belum Baik-baik Lagi” pula, A. Samad Ismail juga turut menggunakan pengalamannya dan pengalaman keluarganya bagi menyampaikan persoalan-persoalan yang terdapat dalam cerpen tersebut. Sekiranya dalam cerpen “Penulis Tua”, A. Samad Ismail menggunakan pengalamannya dan bapanya sebagai latar tetapi dalam cerpen “Belum Baik-baik Lagi”, beliau telah menggunakan pula pengalamannya bersama datuknya iaitu ayah kepada bapanya yang bernama Haji Syairazi sebagai watak utama dan juga sebagai latar dalam cerpen ini. Cerpen ini mengisahkan tentang bagaimana Yayi iaitu sebagai watak utama adalah seorang tokoh yang sangat dihormati di tempatnya bukan sahaja kerana beliau seorang guru agama tetapi juga kerana kebolehannya mengubat beberapa jenis penyakit yang tertentu. Beliau juga dianggap sebagai ketua oleh kaum keluarganya. Beliau sering diminta untuk membaca doa semasa kenduri-kendura selain menjadi tempat untuk meminta nasihat oleh orang-orang yang mengenalinya.

Seterusnya, diceritakan bagaimana sepasang pengantin yang tidak sebaya dimana si suami jauh lebih tua daripada isterinya telah menghadapai pergolakan dalam perkahwinan yang baru dilangsungkan. Si isteri mengelak daripada didekati oleh suaminya dan telah melarikan diri ke rumah keluarganya. Si suami iaitu Juki cuba meminta nasihat daripada bapa saudaranya iaitu Yayi supaya dapat menenangkan hati isterinya itu. Yayi telah memberikan nasihat dan juga penawar kepada Juki supaya mereka suami isteri dapat berdamai. Akhirnya, dengan nasihat Yayi, Juki telah berusaha untuk mengubah penampilan dirinya supaya dapat menarik perhatian isterinya.

Secara realitinya, watak Yayi dalam cerpen “Belum Baik-baik Lagi” ini sememangnya menyamai watak dan sifat-sifat yang terdapat pada datuk sebelah bapa

A. Samad Ismail sendiri. Hal ini dapat dikesan melalui gambaran yang telah diberikan oleh A. Samad Ismail tentang datuknya yang bernama Haji Syairazi itu seperti berikut:

Datuk sebelah ayah dipanggil "Yai Godek". Godek dalam bahasa Jawa bererti jambang. "Dia besar tinggi, kulitnya putih kemerah-merahan tak macam orang Jawa," kata seorang ayah saudara mengenai datuk saya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 249)

Perawakan datuk A. Samad Ismail ini sebenarnya menyamai watak Yayi dalam cerpen "Belum Baik-baik Lagi" jika dibandingkan melalui petikan yang diambil daripada cerpen tersebut seperti di bawah ini:

Memang Yayi punya "tokoh" seorang dukun. Orangnya besar tinggi, kepala bulat dan berjambang lebat. Warna kulitnya putih kemerah-merahan.....

("Belum Baik-baik Lagi", 1995 : 149)

Satu lagi contoh yang menunjukkan persamaan antara watak Yayi dalam cerpen "Belum Baik-baik Lagi" dan juga watak datuk A. Samad Ismail sendiri adalah melalui sikap mereka yang warak dan kuat dalam pegangan agama. Haji Syairazi iaitu datuk A. Samad Ismail seperti yang diketahui adalah seorang sheikh haji yang menguruskan urusan haji bagi orang-orang Banyumas yang berasal dari Pulau Jawa di Palembang Road. Oleh hal yang demikian, pada musim-musim haji, rumah-rumah sheikh haji ini penuh sesak dengan orang yang ingin mengerjakan haji. Oleh itu, tidaklah menghairankán jika sekiranya datuk A. Samad Ismail ini bukan sahaja seorang yang alim dan warak, malah telah beberapa kali mengerjakan haji ke tanah suci Mekah (A. Samad Ismail, 1993 : 249). Keadaan ini adalah bersamaan

dengan perwatakan Yayi dalam cerpen "Belum Baik-baik Lagi" seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Wak Kusen kenalan baik Yayi, bersama-sama naik haji dengan Yayi ketika mereka bujang dulu. Dia suka menceritakan kepada saya hal Yayi di Makkah, bagaimana Yayi belajar mengaji dengan orang-orang Badwi di negeri Arab selama lima tahun. "Dada Yayi kau penuh dengan ayat-ayat Qur'an," katanya selalu kepada saya. Memang benar juga. Yayi rajin mengaji dan berpuasa. Sebagai mana kebiasaan orang-orang Jawa, Yayi selalu puasa "Isnin" dan "Khamis".

(“Belum Baik-baik Lagi”, 1995 : 149)

Selain daripada mengambil sifat datuknya yang bernama Haji Syairazi ini, A. Samad Ismail juga telah menggunakan watak dan pengalaman dirinya sendiri untuk digarap ke dalam cerpen ini. Misalnya, dalam cerpen ini watak Nget iaitu cucu kepada Yayi hanya tinggal bertiga sahaja bersama Yayi dan nenek di rumah kediaman yang bersambung dengan sekolah tempat di mana Yayi mengajar dan menjadi Guru Besar. A. Samad Ismail telah meletakkan bukan sahaja watak Yayi bersamaan dengan sikap yang terdapat pada datuknya iaitu Haji Syairazi tetapi dalam masa yang sama beliau turut memberikan kehidupan bapanya, Haji Ismail kepada Yayi di samping turut menyelitkan pengalamannya sendiri ketika tinggal di rumah Guru Besar ketika bapanya menjadi Guru Besar di Sekolah Rochore. Persamaan ini dapat dilihat melalui petikan-petikan seperti berikut:

Bangunan Sekolah Rochore itu bersambung dengan quarters guru besar..... Dia (Cikgu Mahmud Ahmad) mengajar saya di darjah satu. Kalau saya tak lupa, dia selalu memarahi saya kerana terlalu kerap ponteng kelas untuk mengikuti ibu menziarahi kaum keluarga di Geylang. Setiap kali ibu keluar rumah untuk

menziarahi kakak saya yang sulung di Geylang, saya akan dibawanya. Kalau dia keberatan membawa saya, saya akan curi-curi menghilangkan diri dari kelas untuk menemankan ibu. Dari darjah satu hingga darjah tiga saya sebenarnya lebih banyak bermain daripada belajar. Maklumlah ayah menjadi guru besar.

(A. Samad Ismail, 1993 : 23)

Rumah kami bersambung sekali dengan bangunan sekolah..... Kami bertiga sahaja tinggal di rumah dua tingkat itu. Saya belajar dalam darjah dua. Tetapi kedatangan saya ke sekolah tidak pernah tetap. Kadang-kadang saya datang, kadang-kadang saya "ponteng" kerana mengikut nenek ngelincir ke rumah-rumah keluarga di Geylang. Tetapi waktu itu tidak ada buku daftar kedatangan sekolah. Kalau saya tidak datangpun, Yayi tidak akan tahu. Dan cikgu darjah pun tidak berani mengadu kepada Yayi. Maklumlah cucu guru besar!

("Belum Baik-baik Lagi", 1995 : 149-150)

Melalui petikan-petikan tersebut, jelas dapat dilihat bahawa sebenarnya cerpen "Belum Baik-baik Lagi" ini adalah sebahagian daripada pengalaman A. Samad Ismail bersama keluarganya iaitu ayah dan ibunya dan yang hanya membezakannya adalah beliau telah mengubah watak-watak tersebut kepada datuk dan neneknya. Seperti yang diketahui, datuk dan nenek A. Samad Ismail telah meninggal dunia sebelum beliau dilahirkan lagi. Peristiwa yang berlaku dalam cerpen ini juga adalah pengalaman sebenar beliau ketika tinggal bersama ayah dan ibunya ketika ayahnya iaitu Haji Ismail masih menjadi Guru Besar di Sekolah Melayu Katong. A. Samad Ismail menceritakan bagaimana peristiwa kahwin paksa dengan lelaki yang jauh lebih tua ini memang sebenarnya berlaku ke atas diri sepupunya sendiri yang bernama Ramlah dengan lelaki yang dua kali ganda lebih tua daripada diri Ramlah yang bernama Bakri. Oleh kerana tidak menyukai suaminya

yang jauh lebih tua daripadanya itu, Ramlah telah melaikan diri ke rumah ayah dan ibu A. Samad Ismail. Melalui kebijaksanaan bapa A. Samad Ismail, iaitu Haji Ismail, akhirnya, Ramlah dapat dipujuk untuk pulang ke rumah suaminya (A. Samad Ismail, 1993 : 243–244). Kisah dan pengalaman yang benar-benar berlaku ke atas diri A. Samad Ismail dan sepupunya inilah yang kemudiannya telah digunakan oleh A. Samad Ismail sebagai bahan penceritaan dalam cerpen ini.

Selain cerpen-cerpen tersebut, satu lagi cerpen yang telah turut mengambil pengalaman A. Samad Ismail sebagai bahan penceritaan adalah cerpen yang bertajuk “Kau Mesti Sunat, Kata Bapa”. Cerpen ini mengisahkan tentang Din seorang budak lelaki yang berkawan baik dengan seorang budak perempuan yang bernama Bedah dan mereka selalu bermain masak-masak bersama-sama. Din dan Bedah selalu merayau sehingga ke sebuah kebun yang dipunyai oleh seorang lelaki berbangsa Cina yang menanam ubi kayu. Bapa Din telah memberitahunya yang dia akan disunatkan oleh pamannya. Ibu Din melarang Din daripada berjumpa Bedah. Walau bagaimanapun, secara sembunyi-sembunyi, Bedah dan Din tetap pergi ke kebun ubi kayu Cina itu dan apabila Din pulang lewat, dia telah dimarahi oleh ibunya. Akhirnya, Din telah disunatkan oleh pamannya. Din terpaksa tinggal di rumah selama sebulan dan ini menyebabkan dia tidak dapat berjumpa Bedah dalam tempoh masa tersebut. Ibu Din telah menghadiahkan Din sebuah basikal apabila dia telah sembah. Din pergi ke rumah Bedah kerana ingin menayangkan basikalnya itu tetapi dilarang oleh ibunya sendiri dan juga ibu Bedah kerana mereka berdua sudah sama-sama memasuki alam remaja.

Cerpen ini sebenarnya adalah rakaman pengalaman A. Samad Ismail bersama ibu dan kakak-kakaknya. Oleh kerana terlalu manja dan rapat dengan ibu dan kakak-

kakaknya, maka beliau telah diberikan dengan nama gelaran ‘Si Comel’ atau singkatannya ‘Mel’ (Azhar Wahid, 2003 : 25). A. Samad Ismail sejak kecil sehingga dewasa dan seterusnya meniti alam berumahtangga memang rapat dengan ibu dan kakak-kakaknya dan hal ini dapat dikesan melalui beberapa peristiwa yang terdapat dalam cerpen “Kau Mesti Sunat, Kata Bapa”. Dalam cerpen ini, misalnya juga telah menampilkan selain peristiwa yang menimpa Din dan Bedah juga turut mengemukakan peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Din bersama ibu dan kakak-kakaknya yang sibuk mempersiapkan diri Din sebelum disunat oleh pamannya. Walau bagaimanapun, A. Samad Ismail tidak banyak menampilkan watak ayah Din dalam cerpen ini walaupun yang menetapkan agar Din disunat adalah bapanya sendiri. Hal ini sebenarnya ada kaitan dengan pengakuan A. Samad Ismail sendiri yang menyatakan bahawa secara realitinya beliau adalah lebih rapat dengan ibunya dan ibunya jugalah yang lebih banyak mempengaruhi dirinya berbanding dengan ayahnya (A. Samad Ismail, 1993 : 76).

Selain ibu, A. Samad Ismail juga banyak dipengaruhi oleh kakak-kakaknya seperti yang telah diperjelaskan oleh beliau sendiri melalui petikan-petikan berikut:

Dan sewaktu belajar di bawah Miss Pici, saya menganggap seolah-olah seperti kakak atau ibu Miss Pici mengambil tempat ibu dan peranan kakak di rumah.

(A. Samad Ismail, 1993 : 28)

..... maka saya terpaksa membaca Wak Ketok, Hantu Raya dan cerpen-cerpen Ishak agar dapat saya ceritakan, kembali kepada ibu dan kakak-kakak saya. Sambil mengunyah sirih pada waktu malam sebelum tidur, saya akan menceritakan kembali cerpen Ishak atau tulisan Wak Ketok, kepada ibu dan kakak-kakak saya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 46)

Ibu dan kakak-kakak A. Samad Ismail bukan sahaja rapat dengan beliau tetapi juga amat mengambil berat tentang hal-hal yang menimpanya. Misalnya, ketika A. Samad Ismail baru mula bekerja dengan *Utusan Melayu*, beliau tidak menerima gaji selama tiga bulan, maka wang sakunya masih lagi diberikan oleh kakaknya. Selain itu, ketika beliau melangsungkan perkahwinannya, ibu dan kakak-kakaknya yang banyak menguruskan majlis tersebut seperti yang terpapar dalam petikan-petikan berikut:

sedangkan saya bekerja tanpa gaji, dan wang saku saya diberi oleh kakak saya sebanyak mana wang saku saya ketika bersekolah dahulu....

(A. Samad Ismail, 1993 : 41)

Saya tidak mengeluarkan satu sen pun untuk belanja jamuan perkahwinan saya. Semua belanja dibiayai oleh kakak-kakak saya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 238)

Perhubungan dan pengalaman A. Samad Ismail yang sangat istimewa dan erat bersama ibu dan kakak-kakaknya ini telah diceritakannya dan dijelmakannya kembali dalam cerpen yang bertajuk "Kau Mesti Sunat, Kata Bapa". Dalam cerpen ini diperkatakan bagaimana ibu Din menangis apabila ayah mula-mula membuat keputusan untuk menyunatkan Din. Selain itu, turut digambarkan bagaimana kakak-kakak Din sangat rapat dengannya serta sentiasa melindunginya daripada ditimpah oleh sebarang bencana dan kesusahan. Keadaan ini dapat dilihat melalui petikan-petikan berikut:

Kakak-kakakku sudah besar-besar belaka, menolong emak di dapur, terkurung di rumah dari pagi hingga ke petang....

("Kau Mesti Sunat, Kata Bapa", 1995 : 267)

Dan emakku makin senyum. Kakak-kakakku pun ikut ketawa. Mereka mengusikku bahawa kalau aku berasa sudah dewasa, lebih baik sahaja aku jangan mahu dihantar oleh mak cikku tiap pagi untuk pergi ke sekolah.

(“Kau Mesti Sunat, Kata Bapa”, 1995 : 268)

Aku hanya disebat dua tiga kali sahaja di punggungku. Tidak pula kuat. Tetapi aku meraung seolah-olah aku disebat dengan ekor pari. Mak turut meraung. Kakak-kakakku cuba mendukung aku, sambil menepuk-nepuk punggungku

(“Kau Mesti Sunat, Kata Bapa”, 1995 : 274)

Apabila kakak-kakakku berteriak memanggil aku supaya mandi, aku menghilangkan diri, menyorok dalam jamban.

(“Kau Mesti Sunat, Kata Bapa”, 1993 : 279)

Realitinya, melalui petikan-petikan tersebut, A. Samad Ismail cuba memberi gambaran bagaimana rapatnya hubungan beliau dengan ibu dan kakak-kakaknya. Membaca cerpen ini, pembaca akan dapat menjangkakan bahawa watak Din ini sebenarnya adalah diri A. Samad Ismail sendiri berdasarkan latar belakang yang telah digunakan. Seterusnya, hal ini sendiri dapat menjelaskan bagaimana A. Samad Ismail telah mengambil pengalaman semasa kecilnya untuk dijadikan bahan penceritaan dalam cerpen ini.

Melalui analisis yang telah dilakukan ke atas beberapa buah cerpen tersebut, maka jelaslah bahawa A. Samad Ismail memang banyak menggunakan pengalamannya sendiri untuk diterapkan ke dalam karya-karyanya. Keadaan ini telah menjadikan karya-karyanya itu lebih menarik kerana banyak peristiwa di dalam cerpen-cerpen tersebut adalah berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku dan telah dialaminya sendiri. Keadaan dan hubungan ini semakin jelas

apabila latar yang beliau gunakan banyak berkisar tentang dirinya dan keluarganya sendiri ketika tinggal di Kampung Melayu, Singapura.

4.3 Pengalaman Sebagai Wartawan Dan Ketua Pengarang Akhbar

A. Samad Ismail telah mula menjadi wartawan dan berkecimpung dalam dunia kewartawanan ketika usianya baru mencecah 16 tahun. Semenjak saat itu, seluruh hidupnya telah banyak dihabiskannya dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, tidak menghairankanlah sekiranya pengalaman beliau sebagai wartawan dan seterusnya sebagai ketua pengarang akhbar banyak diabadikannya dalam karyanya yang berbentuk cerpen.

Pelbagai kisah suka duka dan pengalaman hidup yang dikutip oleh A. Samad Ismail dalam bidang kewartawanan iaitu bermula sebagai wartawan muda di akhbar *Utusan Melayu*, seterusnya beliau berkhidmat pula sebagai wartawan dengan *Berita Malai* semasa kekuasaan Jepun di Singapura dan kemudiannya dilantik pula sebagai ketua pengarang yang paling muda pada masa itu, kembali semula berkhidmat sebagai ketua pengarang di *Utusan Melayu* selepas perang dan sehingga beliau akhirnya telah berkhidmat sebagai ketua pengarang dan sebagai penasihat dengan *Berita Harian* selepas berlaku krisis antaranya dengan Yusof Ishak.

Pengalaman A. Samad Ismail yang pelbagai dan rencam itu sering digunakan oleh beliau sebagai bahan dan latar dalam cerpen-cerpennya. Antara cerpen yang menggunakan pengalaman A. Samad Ismail dan terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini adalah seperti yang bertajuk ‘‘Impian Haji Tamimi’’, ‘‘Menunggu Teman Bebas’’, ‘‘Kisah Cinta Di Kota Bharu’’, ‘‘Ahli Bahasa’’, ‘‘Edisi Pagi’’, ‘‘Titi’’,

“Peloncoan”, “Penulis Tua”, “Hussein Zet”, “Ustaz”, “Wak Ha! Ha!”, “Mr. Haf Pa Dollah” dan “Soal Kereta”.

Menurut Azhar Wahid (2003 : 87), melalui analisis dan kajian yang telah dilakukannya, beliau mendapati bahawa sebahagian besar cerpen yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* sebenarnya banyak mengungkapkan tentang karenah manusia dalam dunia persuratkhabaran iaitu golongan manusia yang menempuh pelbagai suka duka dan bertungkus-lumus mencari berita, membuat kerja, menyusun berita dan seterusnya mencetak berita-berita tersebut dalam keadaan yang serba-serbi kekurangan. Jika dilihat dalam banyak aspek, keadaan ini sebenarnya tidaklah menghairankan kerana A. Samad Ismail memulakan kerjayanya dalam dunia persuratkhabaran dari bawah dan bergaul rapat dengan semua pekerja di setiap bahagian terutamanya ketika beliau mula-mula bekerja di *Utusan Melayu*. Beliau amat arif tentang selok-belok penerbitan surat khabar dan banyak menimba pengalaman daripada rakan-rakan sejawatnya dalam bidang tersebut. Sebagai hasilnya, beliau telah banyak mencatatkan pengalaman-pengalamannya itu dalam karya-karya cerpennya.

Dalam cerpen “Ahli Bahasa” misalnya, A. Samad Ismail banyak memberikan sifat dan pengalaman yang telah dilaluinya kepada watak utamanya terutama sekali pengalaman ketika beliau mula-mula bekerja dengan akhbar *Utusan Melayu*. Cerpen ini mengisahkan tentang Yazid yang bertugas sebagai wartawan dan bertanggungjawab menjaga ruangan cerpen dan sajak. Selain itu, Yazid juga bertanggungjawab untuk menyunting rencana-rencana dan berita-berita yang ditulis oleh rakan-rakannya dari aspek bahasa dan ejaan. Yazid sering menjadi bahan gurauan rakan-rakannya kerana beliau adalah seorang pemuda yang lurus dan baik.

Beliau tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti rakan-rakannya yang lain. Sebaliknya, Yazid menggunakan wang gajinya untuk dihantar kepada orang tuanya dan juga untuk membeli buku-buku dari Toko Buku Hassan yang terletak di Arab Street. Buku-buku tersebut dipesannya terus dari London. Rakan-rakan Yazid telah menggelarnya sebagai ‘ahli bahasa’ kerana beliau amat berminat dalam bidang bahasa.

Yazid dalam cerpen “Ahli Bahasa” digambarkan sebagai seorang pemuda yang berkelulusan agak tinggi dengan kelulusan Senior Cambridge seperti yang tergambar dalam petikan di bawah ini:

Kecekapannya tidak melebihi kecekapan pemberita-pemberita seperti Ayub atau Ariff. Dia kelulusan Senior Cambridge.

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 570)

Apabila kita mengikuti perkembangan dan sejarah hidup A. Samad Ismail, kita juga akan mengetahui bahawa beliau memang berkelulusan Senior Cambridge. Pihak Kesatuan Melayu Singapura yang memberikan biasiswa ‘kepada A. Samad Ismail sejak beliau dalam darjah lima sehingga beliau menamatkan pelajarannya pada peringkat Senior Cambridge telah mendesak bapa A. Samad Ismail iaitu Haji Ismail agar menyuruh anaknya itu supaya bertugas dengan akhbar *Utusan Melayu*. Hal ini adalah kerana kebanyakan pemimpin Kesatuan Melayu mempunyai kepentingan dalam penerbitan surat khabar tersebut. Oleh yang demikian, A. Samad Ismail telah mula berkhidmat di *Utusan Melayu* dalam usia yang sangat muda iaitu ketika beliau baru berusia 16 tahun (1993 : 80).

Persamaan ini juga terdapat dalam diri Yazid yang dinyatakan telah mula bekerja dalam dunia surat khabar pada usia yang juga masih muda iaitu ketika beliau baru menamatkan sekolahnya pada peringkat Senior Cambridge.

*Dia melamar pekerjaan dengan surat khabar itu
sebaik sahaja dia lulus dari sekolah.....*

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 570)

Selain itu, Yazid juga digambarkan sebagai pemuda yang sangat-sangat berminat dalam bidang bahasa dan sastera serta telah mengikuti perkembangan tentang dunia surat khabar Melayu sejak di bangku sekolah lagi.

*Dan memang pula minatnya besar terhadap
bahasa dan sastera. Tidak seperti Ariff atau
Amin, perhatiannya kepada persuratkhabaran
Melayu memang besar semenjak dia bersekolah
lagi.*

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 570)

Keadaan Yazid ini sebenarnya tidak jauh bezanya dengan sejarah hidup dan pengalaman yang telah dilalui oleh A. Samad Ismail sendiri. Menurut A. Samad Ismail (1993 : 46), beliau telah mula mengikuti perkembangan dunia surat khabar Melayu sejak berada di bangku sekolah rendah lagi. Atas suruhan daripada bapanya, A. Samad Ismail akan membaca *Utusan Melayu* pada setiap hari dan selain itu beliau juga telah membacakan berita-berita menarik yang terdapat dalam akhbar itu kepada ibu dan kakak-kakaknya yang sangat-sangat meminati terutamanya tulisan-tulisan Wak Ketok yang dikendalikan oleh Rahim Kajai dan Hantu Raya yang dikendalikan oleh Ishak Haji Mohamad. A. Samad Ismail juga akan menggunting dan menyimpan cerpen-cerpen yang ditulis oleh Rahim Kajai dan Ishak Haji Mohamad itu dengan cermat di dalam laci meja tulis ayahnya.

Menurut A. Samad Ismail lagi, bahawa beliau menganggap *Utusan Melayu* sebagai sekolah kerana di sivilisasi beliau banyak belajar tentang hidup dan kehidupan. Beliau juga banyak belajar tentang erti merendah diri dengan orang lain ketika mula-mula berkhidmat di *Utusan Melayu*. Hal ini kerana, ketika A. Samad Ismail mula-mula bekerja, beliau sering disindir, diperli, dibuli dan juga dijadikan bahan jenaka oleh pekerja-pekerja lain (1993 :125). Pengalaman yang telah dilalui oleh A. Samad Ismail ini sebenarnya turut mempunyai persamaan dengan pengalaman yang dilalui oleh Yazid dalam cerpen “Ahli Bahasa”. Yazid misalnya sering menjadi bahan gurauan kawan-kawannya kerana usianya yang muda dan dianggap sebagai masih kurang berpengalaman dalam kehidupan.

Pada waktu petang, setelah kerja masing-masing selesai dan surat khabar yang akan terbit besok, sedang dicetak, Yazid biasanya menjadi sasaran guru senda teman-temannya. Yazid adalah antara anggota yang termuda sekali dalam jabatan pengarang kami waktu itu.

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 561)

A. Samad Ismail (1993 : 51), telah menyatakan bahawa antara sebab beliau menjadi bahan gurauan rakan-rakannya ketika beliau mula-mula bekerja di *Utusan Melayu* adalah kerana rakan-rakannya itu menganggap beliau seorang yang lurus, tidak minum minuman keras, tidak tahu berjudi dan tidak mempunyai hubungan dengan perempuan. Keadaan ini berpunca daripada latar belakang keluarga A. Samad Ismail sendiri yang sangat taat dan patuh dengan ajaran Islam, serta beliau sendiri masih tinggal dalam pengaruh dan lingkungan keluarganya. Hal ini juga sebenarnya telah diterapkan oleh A. Samad Ismail kepada watak Yazid dalam cerpen “Ahli Bahasa” seperti yang terpapar dalam petikan berikut:

"Zid!" Basri berteriak lagi kuat-kuat. "Kalau kau tak percaya, kau tanya Mus sendiri. Kau belum jadi reporter. Kau belum pandai minum, kau belum pandai merokok, kau belum merasa betina. Terutama sekali, kau masih gadis lagi," teriak Basri lalu ketawa nyaring.

(*"Ahli Bahasa"*, 1995 : 561)

Watak Yazid juga diberikan satu lagi pengalaman yang sama seperti dirinya sendiri oleh A. Samad Ismail. Persamaan tersebut dari segi minat yang sangat tinggi terhadap bahan-bahan bacaan dan sanggup menghabiskan wang untuk membeli buku-buku yang dihajati. A. Samad Ismail sendiri sangat minat membaca sejak beliau masih di sekolah rendah lagi. Beliau akan menghabiskan masanya di High Street dan juga di Bras Basah Road untuk memilih dan membeli bahan-bahan bacaan yang disukainya. Buku-buku yang dibelinya itu kemudian akan disimpannya dengan rapi selepas dibaca (1993 :46). Minat membaca yang terdapat pada dirinya inilah yang telah diberikan oleh A. Samad Ismail terhadap diri Yazid sehingga Yazid sendiri sanggup menghabiskan wang gajinya dan berhutang bagi mendapatkan bahan-bahan bacaan yang dihajatinya.

Dia harus membayar hutang buku yang dipesannya dari London mungkin tiba hujung bulan dan hutangnya di Toko Buku Hassan, di Arab Street, masih tinggal lapan belas ringgit lagi..... Dan untuk menguasai bahasa, dia harus banyak membaca buku bahasa dan sastera.

(*"Ahli Bahasa"*, 1995 : 589)

Pengalaman sebenar A. Samad Ismail yang turut dipaparkan oleh beliau dalam cerpen ini adalah suasana dan persekitaran tempat kerja yang telah dialami olehnya ketika beliau mula-mula berkhidmat dengan *Utusan Melayu* yang sama dengan suasana pejabat surat khabar tempat di mana Yazid bekerja dalam cerpen

“Ahli Bahasa”. Persamaan-persamaan tersebut dapat dilihat dalam kedua-dua petikan berikut:

Pejabat kami pula sangat sempit, cukup hanya untuk memuatkan empat meja tulis. Tidak ada ruang tamu, dan panas pula. Pintu pejabat tidak bertutup.... bahkan tandas yang dikongsi bersama antara kami dengan pengatur huruf itu pun tidak mempunyai pintu yang sempurna. Dan setiap petang angin kencang membawa bau busuk loji penapis najis yang terletak tidak jauh dari pejabat kami - terus menerobos tingkap mengganggu hidung kami.

(A. Samad Ismail, 1993 : 59)

Pejabat mereka tersorok di bahagian belakang tingkat satu bangunan itu, dekat dengan jamban yang terhadang dari bilik itu oleh dua buah almari cermin. Bilik begitu sempit hingga tiga perempat ruang bilik itu dipenuhi oleh meja-meja dan almari-almari besar itu belaka. Dan apabila petang, jamban yang telah dipergunakan oleh berpuluhan manusia sejak pagi, seperti mengirimkan semacam bau pula pada setengah-setengah orang dalam bilik itu yang telah bertahun-tahun menciumnya, sudah tidak asing lagi.

(“Ahli Bahasa”, 1995 : 577)

Selain cerpen “Ahli Bahasa”, satu lagi cerpen yang mengungkapkan pengalaman A. Samad Ismail sendiri dalam dunia kewartawanan dan terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* adalah cerpen yang bertajuk “Mr. Haf Pa Dollah”. Cerpen ini berkaitan dengan watak-watak yang masih lagi berkisar dengan dunia persuratkhabaran iaitu Samad dan Man Siam. Cerita ini mengisahkan tentang Samad yang berkenalan dan berkawan, rapat dengan Man Siam ketika dia mula-mula berkhidmat dengan akhbar *Utusan Melayu*. Man Siam bertugas di bahagian percetakan. Disebabkan oleh persahabatan mereka yang agak rapat telah

menyebabkan Man Siam memperkenalkan Samad kepada seorang wanita yang memiliki sebuah warung makan yang bernama Cik Suri. Antara pelayan yang bekerja di warung Cik Suri itu adalah anak Cik Suri sendiri yang bernama Rokiah. Bermula daripada perkenalan itu, Samad dan Man Siam sering kali makan di warung kepunyaan Cik Suri itu. Pada suatu masa, Man Siam telah jatuh sakit dan beliau telah dijaga oleh Cik Suri. Selepas sembah daripada sakit, Man Siam telah berkahwin dengan Cik Suri, sementara Samad pula terus berbaik-baik dengan Rokiah iaitu anak Cik Suri.

Sesuatu yang menarik dalam cerpen ini adalah penggunaan beberapa nama watak yang terdapat di dalamnya. Misalnya, A. Samad Ismail telah menggunakan namanya sendiri untuk diberikan kepada watak utamanya iaitu ‘Samad’. Selain penggunaan namanya sendiri, A. Samad Ismail turut menggunakan satu lagi nama dan perwatakan yang sememangnya wujud ketika beliau berkhidmat di *Utusan Melayu* iaitu nama dan perwatakan Man Siam.

Menurut A. Samad Ismail (1993 :107), Pak Mat Siam adalah seorang pekerja di bahagian cetak yang paling berpengalaman dan pekerja tertua sekali di *Utusan Melayu*. Secara realitinya juga, A. Samad Ismail masih mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Pak Mat Siam dan hubungan mereka ketika sama-sama berkhidmat di *Utusan Melayu* juga agak rapat. Pak Mat Siam yang menganggap A. Samad Ismail seperti anak angkatnya, sering kali mengajak dan membelanja A. Samad Ismail makan di sebuah kedai kopi yang terletak di hadapan bangunan pejabat *Utusan Melayu*.

Pak Mat Siam seorang pekerja cetak yang berpengalaman, dan antara pekerja tertua di

Utusan. Pak Mat Siam menjadikan saya sebagai anak angkatnya, pagi mengajak saya minum teh atau kopi di kedai kopi di hadapan bangunan Utusan, tengah hari membelanja saya makan roti canai.

(A. Samad Ismail, 1993 : 108)

Gambaran watak serta perwatakan yang diberikan oleh A. Samad Ismail kepada watak Man Siam dalam cerpen “Mr. Haf Pa Dollah” pula adalah seperti berikut:

Man Siam kurus dan agak tinggi, kulit badannya hitam, muka leper dan matanya sepet seperti Cina. Dia berseluas panjang warna biru hitam pekat, bersinglet lusuh dan robek-robek. Dia bekerja di bahagian mesin di tingkat bawah. Sejak berkenalan pagi itu, kami selalu minum air sarbat bersama-sama. Ataupun bersama-sama sarapan roti canai di kedai India, di seberang jalan bangunan Utusan. Man Siam murah hati. Boleh dikatakan dia sahaja yang selalu membiayai sarapan pagi saya tiap hari.

(“Mr. Haf Pa Dollah”, 1995 : 807)

Satu lagi pengalaman A. Samad Ismail yang telah digunakan oleh beliau dalam cerpen ini adalah bagaimana Man Siam telah memperkenalkan Samad kepada Cik Suri yang memiliki sebuah warung makan dan juga kepada anak gadisnya yang bernama Rokiah.

“Ini kawan baru Bang Man?” Kak Suri bertanya apabila Man Siam memperkenalkan saya kepadanya. Kak Suri segera memanggil anaknya yang cepat berkejar ke meja kami dan sesegera itu juga Kak Suri memperkenalkan saya kepada anaknya. “Ini adik pamamu!” Kak Suri memperkenalkan saya kepada Rokiah.

(“Mr. Haf Pa Dollah”, 1995 : 809)

Dalam catatan memoirnya (1993: 52-53), A. Samad Ismail ada mengatakan bahawa beliau telah diperkenalkan kepada seorang wanita yang tinggal di Pasir Panjang bukan oleh Man Siam tetapi oleh seorang pekerja yang bekerja di bahagian cetak *Utusan Melayu* iaitu Kadir Yahudi. Jika dilihat secara lebih mendalam, kita akan mendapati bahawa beberapa perwatakan dan pengalaman bersama Kadir Yahudi telah digunakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen “Mr. Haf Pa Dollah”. Pengalaman sebenar bersama Kadir Yahudi itulah yang telah digunakan sebagai pengalaman bersama Man Siam dalam cerpen ini iaitu misalnya tentang perkenalan antara A. Samad Ismail dengan Cik Liza yang diatur oleh Kadir Yahudi yang secara realitinya wanita tersebut telah digambarkan oleh A. Samad Ismail sendiri seperti berikut:

Sebentar lagi seorang wanita keluar tersenyum manis sekali, berpakaian kebaya agak ketat dan kain batik bunga gelap. Badannya sederhana, gempal dan berisi. Wanita itu berusia kira-kira 30 tahun.

(A. Samad Ismail, 1993 : 52)

Manakala dalam cerpen “Mr. Haf Pa Dollah”, A. Samad Ismail telah menggunakan pengalaman sebenarnya bertemu dengan Cik Liza itu dengan mengubah watak-watak yang terlibat iaitu mengubah watak Cik Liza kepada Cik Suri dan watak Kadir Yahudi kepada watak Man Siam. Persamaan-persamaan tersebut dapat dilihat dalam perenggan berikut:

Dia kira-kira sebaya dengan Man Siam, berumur 35 tahun, selalu memakai kebaya ketat dan batik, Kak Suri berbadan gempal, peramah dan mudah mesra.

(“Mr. Haf Pa Dollah”, 1995 : 808-809)

Selain cerpen-cerpen tersebut, satu lagi cerpen yang secara jelas telah mengungkapkan sendiri pengalaman A. Samad Ismail adalah cerpen yang bertajuk “Peloncoan”. Dalam menceritakan tentang pengalaman hidupnya, A. Samad Ismail pernah mencatatkan tentang beberapa peristiwa yang menjadi kenangan pahit manisnya ketika mula-mula bekerja dengan akhbar *Utusan Melayu*. Beliau memulakan kerjayanya dalam dunia persuratkhabaran setelah menamatkan Senior Cambridgenya atas desakan dari Kesatuan Melayu Singapura yang telah membayai pendidikannya. Oleh kerana umurnya yang terlalu muda, A. Samad Ismail mengakui bahawa agak sukar bagi beliau untuk menyesuaikan diri dengan suasana kerja yang serba baru kepada dirinya itu (1993 : 43).

Sama seperti pengalaman yang ditempuhi oleh A. Samad Ismail sendiri, peristiwa dalam cerpen ini “Peloncoan” ini mengungkapkan kisah tentang Leman yang baru memulakan tugasnya di akhbar *Melayu Baru*. Sebagai ‘orang baru’ dan dengan usia yang terlalu muda, Leman sering menjadi sasaran dan bahan gurauan kawan-kawannya terutamanya yang bekerja di bahagian percetakan iaitu Salleh Yahudi, Mat Negro, Sarip Jerawat dan Yusuf Juling. Leman bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan kerenah kawan-kawannya itu tetapi dia juga terpaksa berhadapan dengan ketuanya yang sangat tegas tetapi prihatin terhadap orang-orang bawahannya iaitu Pak Syeikh Khairidir.

Pada mula-mula bekerja di situ, Leman tidak mempunyai apa-apa tugas khas dan tidak menerima gaji tetapi lama-kelamaan beliau diberikan tugas untuk menterjemah berita yang mudah-mudah oleh Hamidi. Selepas itu, barulah Leman diberi kepercayaan untuk keluar mencari berita oleh Pak Syeikh Khairidir dan dia juga turut diberikan elaun yang berjumlah sepuluh ringgit sebulan. Salleh Yahudi dan

rakan-rakannya banyak membantu Leman dalam menulis berita-beritanya. Selepas mendapat gajinya yang pertama, Leman telah membelanja Salleh Yahudi dan teman-temannya yang lain untuk makan soto di Bugis Street. Semenjak itulah, perhubungan Leman dan kawan-kawannya itu menjadi erat walaupun menempuh pelbagai cabaran dalam dunia persuratkhabaran.

A. Samad Ismail menyatakan (1993 : 129), bahawa ketika bekerja di *Utusan Melayu* seperti telah menjadi satu tradisi untuk memberikan nama gelaran kepada pekerja-pekerja yang bekerja di situ. Nama gelaran ini bukan sahaja bertujuan untuk menimbulkan kemesraan ketika bergaul pada setiap hari, malahan juga bertujuan untuk tidak menimbulkan sebarang jurang dari segi kedudukan bagi setiap pekerja di setiap bahagian. Tradisi ini kemudiannya tetap bertahan sehingga ke tahun-tahun lima puluhan dan sehingga ke *Utusan Melayu* berpindah ke Kuala Lumpur kemudiannya. Nama-nama gelaran ini telah turut digunakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen “Peloncoan” ini.

Selain daripada nama-nama gelaran tersebut, dua watak yang wujud secara realitinya dan telah digunakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen ini adalah watak Salleh Yahudi dan Pak Syeikh Kadir. A. Samad Ismail mencatatkan (1993 : 44), bahawa ketika beliau baru mula-mula bertugas dengan *Utusan Melayu*, antara orang pertama yang telah ditemui adalah seorang pekerja yang bekerja di bahagian cetak iaitu Kadir Yahudi. Melalui pengalaman A. Samad Ismail sendiri, kita dapat membuat perbandingan antara watak Kadir Yahudi yang beliau temui ketika beliau mula-mula bekerja di *Utusan Melayu* dengan watak Salleh Yahudi yang beliau wujudkan dalam cerpen “Peloncoan”.

Tetapi Kadir Yahudi dipanggil sedemikian kerana kulitnya putih kemerah-merahan. Keluarbiasaannya ialah bulu dadanya tebal. Dia tak pernah memakai singlet, hanya berseluar pendek warna hitam dan berkaki ayam.

(A. Samad Ismail, 1993 : 44)

Leman terserempak dengan Salleh Yahudi di bawah tangga ketika dia sedang melangkah ke kaki lima. Salleh dengan seluar katuk hitam, berlengging tidak berbaju, berkaki ayam dengan dadanya yang berbulu dan tangannya yang berlumuran minyak hitam.

(“Peloncoan”, 1995 : 753)

Melihat kepada kedua-dua petikan tersebut, memanglah amat jelas bahawa,

A. Samad Ismail telah menggunakan watak Kadir Yahudi ke dalam cerpen “Peloncoan” tetapi telah mengubah namanya kepada Salleh Yahudi. Selain daripada watak tersebut, satu lagi watak yang benar-benar wujud berdasarkan pengalaman beliau sendiri dan telah digunakan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen ini adalah watak Pak Syeikh Khaidir. Watak Pak Syeikh Khaidir dalam cerpen ini sebenarnya adalah watak yang sememangnya wujud berdasarkan pengalaman beliau sendiri yang pernah bekerja dengan Rahim Kajai. Rahim Kajai adalah pengarang dan penulis terkenal yang menulis ruangan Wak Ketok dalam akhbar *Utusan Melayu* dan A. Samad Ismail menjadi wartawan setelah menerima didikan yang keras daripada Rahim Kajai sendiri. Rahim Kajai juga turut dipanggil dan dikenali dengan gelaran Pak Sheikh oleh orang-orang yang mengenalinya.

“Saya berhajat hendak bertemu Pak Sheikh”, kata mereka. „Dan bila hajat telah terpenuh, mereka pulang dengan tekad baharu. Syukur Alhamdulillah... saya bertuah hari ini ... dapat berbual sendiri dengan Pak Kajai,” kata seorang

tetamu penulis setelah dilayani dengan mesra tetapi singkat oleh Kajai.

(A. Samad Ismail, 1993 : 70)

Pak Syeikh Khadir yang memimpin akhbar Melayu Baru dalam cerpen “Peloncoan” ini turut dikenali sebagai Pak Syeikh oleh pekerja-pekerjanya.

“Leeeeh!” Pak Syeikh akan berteriak dari mejanya di sudut pejabat sempitnya sebaik sahaja dia telah menyelesaikan rencana pengarangnya pada pukul empat petang tiap hari. “Ya, Pak Syeikh!” Salleh menyahut kuat dari belakang pejabat.

(“Peloncoan”, 1995 : 754)

Selain daripada itu, berdasarkan pengalamannya bekerja bersama Rahim Kajai juga, A. Samad Ismail telah menggunakan beberapa sikap dan kegemaran Rahim Kajai untuk diberikan kepada watak Pak Syeikh dalam cerpen ini. Misalnya, antara kegemaran Rahim Kajai adalah menghisap rokok Cina cap ikan emas dan kerana terlalu banyak menghisap rokok tersebut, kuku jari tangannya juga menjadi kekuningan kerana berselaput tahi tembakau. Selain itu, Rahim Kajai juga digambarkan oleh A. Samad Ismail sebagai tidak tampan dan mempunyai gigi yang jongang dan jarang dan kerana terlalu banyak menghisap rokok juga, Rahim Kajai sering batuk-batuk (1993 : 71). Gambaran yang sama juga telah diberikan oleh A. Samad Ismail kepada Pak Syeikh Kadir melalui petikan berikut:

Pak Syeikh tidak segera membuka perbuatalnya dengan Leman. Dia masih keletihan, termengah-mengah, mulutnya terenganga menunjukkan deretan gigi jarang, kekuningan bersalut tembakau rokok cap ikan emas yang disedutnya tidak putus-putus. Batuknya makin kuat hingga mencemaskan Leman.

(“Peloncoan”, 1995 : 770)

Di dalam cerpen ini, ketika mula-mula bekerja di akhbar *Melayu Baru*, Leman tidak menerima sebarang tugas dan tidak menerima sebarang gaji (1995 : 766). Beliau hanya ditugaskan untuk menterjemah notis-notis dan berita-berita yang tidak penting dan hanya selepas lebih sebulan bekerja di situ barulah beliau menerima gajinya yang pertama yang berjumlah sepuluh ringgit sebulan. Keadaan Leman dalam "Peloncoan" ini sebenarnya sama dengan pengalaman A. Samad Ismail yang tidak mempunyai sebarang tugas khas yang perlu dilakukan ketika beliau mula-mula bekerja di *Utusan Melayu*.

Selama sebulan sejak bekerja di Utusan, saya cuma hisap jari sahaja. Saya diberikan sebuah meja dan kerusi, kertas dan pensil tetapi tidak diberikan apa-apa kerja.

(A. Samad Ismail, 1993 : 42)

A. Samad Ismail juga tidak menerima sebarang gaji pada masa beliau mula bekerja di *Utusan Melayu* dan beliau hanya menerima gaji pertamanya selepas tiga bulan bekerja di situ.

Sementara itu setelah kira-kira tiga bulan bekerja di Utusan, Kajai memutuskan bahawa saya harus dibayar gaji sepuluh ringgit sebulan.

(A. Samad Ismail, 1993 : 47)

Hal ini, jelas membuktikan bahawa A. Samad Ismail memang sesungguhnya telah menggunakan pengalaman beliau sendiri dalam mengolah cerpen ini. Pengalaman beliau yang digarap ke dalam cerpen ini telah menjadikan cerpen ini benar-benar menarik dan kerana' keadaan inilah yang telah menjadikan seolah-olah pembaca membaca tentang riwayat hidup A. Samad Ismail sendiri.

Dalam cerpen “Titi” dan “Kisah Cinta Di Kota Bharu”, A. Samad Ismail telah menggunakan pengalamannya sendiri yang membuat liputan tentang lawatan Tun Abdul Razak iaitu Perdana Menteri Malaysia pada masa itu ke Jakarta dan Kota Bharu. Cerpen “Titi” menggunakan Jakarta sebagai latar tempatnya, sementara “Kisah Cinta Di Kota Bharu” pula telah menggunakan Kota Bharu sebagai latarnya. A. Samad Ismail mempunyai hubungan yang agak rapat dengan Tun Abdul Razak dan beliau adalah antara wartawan yang bertanggungjawab meliputi rundingan untuk menamatkan konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia di Bangkok.

Ketika perundingan damai Indonesia – Malaysia di Bangkok untuk mengakhiri Konfrontasi, saya ditugaskan membuat liputan untuk akhbar Straits Times dan Berita Harian.

(A. Samad Ismail, 1993 : 264)

A. Samad Ismail juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Tun Abdul Razak dan kerap kali Tun Abdul Razak meminta bantuan A. Samad Ismail untuk melakukan sesuatu bagi pihak diri Tun Abdul Razak sendiri.

Saya terabit juga dalam lawatan itu kerana diminta oleh Tun supaya Ibrahim membatasi lawatannya itu hanya sebagai lawatan sosial... Tun sebagai putera Pahang tentunya mengagumi Ibrahim Yaakob.

(A. Samad Ismail, 1993 : 222)

Dalam cerpen “Kisah Cinta Di Kota Bharu”, A. Samad Ismail telah menggunakan pengalamannya yang pernah mengiringi Tun Abdul Razak dalam lawatan-lawatannya ke beberapa tempat. Watak utama dalam cerpen ini iaitu Nasir digambarkan sebagai wartawan yang membuat liputan tentang lawatan Tun Abdul Razak ke Kelantan.

Mungkin juga benar kerana antara teman-teman dalam rombongan pemberita yang mengiringi Tun dari Kuala Lumpur, Pak Wan dianggap ahli dalam hal-hal seperti ini... Hari pertama, dia terlalu sibuk. Acara Tun tidak memberikan kesempatan kepadanya untuk menghiburkan hatinya.

(“Kisah Cinta Di Kota Bharu”, 1995 : 620)

Dalam cerpen “Titi” pula, A. Samad Ismail telah menggunakan pengalamannya yang pernah membuat liputan tentang lawatan Tun Abdul Razak ke Bangkok bagi merundingkan perdamaian untuk menamatkan konfrontasi yang berlaku di antara Malaysia dan Indonesia. Manaf sebagai watak utama dalam cerpen ini telah dipilih sebagai salah seorang wartawan yang turut serta dalam lawatan itu dan rombongan tersebut akan singgah di Jakarta selama 24 jam.

Hanya kali ini, dia berasa lebih terjamin kerana dia secara rasmi digabungkan sebagai anggota dalam rombongan Tun.

(“Titi”, 1995 : 649)

Sebelum mengiringi Tun Abdul Razak dalam lawatan tersebut, seperti yang telah diketahui, A. Samad Ismail juga pernah dihantar sebagai wakil *Utusan Melayu* di Jakarta selama enam bulan pada tahun 1957.

Sekali lagi saya menetap kira-kira enam bulan di Jakarta sebagai koresponden Utusan Melayu pada tahun 1957.

(A. Samad Ismail, 1993 : 226)

A. Samad Ismail kemujiannya ke kembali ke tanah air pada tahun 1958 walaupun tanpa kebenaran Yusof Ishak yang menjadi pengurus di *Utusan Melayu* pada masa itu.

Saya berhenti dari Utusan Melayu kira-kira bulan November tahun 1958 setelah enam bulan di Jakarta sebagai korespondennya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 265)

Melalui cerpen “Titi”, A. Samad Ismail telah menyuntik pengalamannya sendiri dengan memberikan keadaan yang sama kepada watak utamanya iaitu Manaf. Manaf juga digambarkan telah meninggalkan kota Jakarta pada tahun 1958 selepas menjadi koresponden bagi pihak akhbarnya.

Sembilan tahun mereka berpisah semenjak tahun 1958 dahulu dan surat terakhir yang diterimanya daripada Titien ialah sebelum konfrontasi.

(“Titi”, 1995 : 650)

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa A. Samad Ismail memang telah menggunakan pengalamannya semasa pernah bertugas di Jakarta dan di Kota Bharu untuk dijadikan sebagai bahan dalam kedua-dua cerpennya yang bertajuk “Titi” dan “Kisah Cinta Di Kota Bharu”. Hal ini menjadikan latar tempat dalam cerpen ini amat menarik kerana diselang-seli pula dengan peristiwa yang pernah ditempuhi oleh A. Samad Ismail sendiri.

Selain menggunakan pengalaman-pengalaman sebenarnya sebagai wartawan, A. Samad Ismail telah turut menggunakan pengalamannya sebagai ketua pengarang dalam menulis cerpen-cerpennya. Jawatan ketua pengarang akhbar telah mula disandang oleh A. Samad Ismail dalam masa pendudukan Jepun lagi. Jawatan tersebut telah dipegangnya ketika beliau mula bertugas di *Berita Malai* dalam usia belasan tahun bagi mengantikan tempat Ishak Haji Muhammad. Tanggungjawab berat yang dipikulnya itu telah menjadikan A. Samad Ismail menjadi seorang yang berkeyakinan, tegas, keras hati dan ada kalanya menjadi begitu biadab dan kurang

ajar kepada pekerja-pekerjanya walaupun ada di antara mereka yang lebih tua daripada dirinya sendiri (1993 : 181).

Sebagai ketua pengarang juga, A. Samad Ismail turut bertanggungjawab memastikan urusan pentadbiran surat khabar tersebut berjalan lancar. Dalam memastikan kelancaran sesuatu urusan itulah, beliau kerap kali berdepan dengan pelbagai masalah. Pengalaman dan tanggungjawabnya sebagai ketua pengarang ini telah turut digunakan oleh A. Samad Ismail dalam karya-karya cerpennya seperti yang bertajuk “Ustaz”.

Cerpen “Ustaz” ini berkisar tentang Samad yang dipanggil dengan gelaran ‘Bung’ sahaja merancang hendak pergi ke Kota Baharu bagi menyiasat tentang pengurusan pejabat cawangan surat khabar di sana. Ustaz Shafiq iaitu wartawan dan juga wakil *Utusan* di Kota Baharu didapati telah menggunakan perbelanjaan yang agak tinggi. Samad yang juga ketua pengarang *Utusan* pada masa itu selepas dibebaskan daripada tahanan pada tahun 1953 telah disambut dengan baik oleh Ustaz Shafiq ketika sampai di Kota Baharu. Samad telah dibawa oleh Ustaz Shafiq untuk bertemu dengan beberapa orang tokoh dan orang kenamaan termasuklah Menteri Besar di Kelantan. Ustaz Shafiq turut membawa Samad untuk membuat liputan tentang lawatan Sultan Kelantan ke daerah Machang. Akhirnya, Samad berpendapat bahawa memang wajarlah Ustaz Shafiq menggunakan perbelanjaan yang tinggi kerana beliau bukan sahaja wartawan tetapi juga merupakan wakil *Utusan* yang perlu menjaga imej akhbar tersebut di negeri Kelantan.

Sangat jelas bahawa dalam cerpen ini, A. Samad Ismail telah menggunakan bukan sahaja namanya sendiri bahkan juga perwatakan dirinya sendiri. Misalnya,

gelaran ‘bung’ yang digunakan oleh watak Samad dalam cerpen ini adalah panggilan yang sememangnya digunakan oleh orang-orang yang mengenali A. Samad Ismail.

“Bung Samad ini... dulu jadi ketua kami di Singapura... Bung Samad dan Doktor Burhanuddin,” kata Rais.

(A. Samad Ismail, 1993 : 256)

Selain itu, dalam cerpen ini juga watak Samad dikatakan telah menjadi wartawan dan bekerja di *Utusan* selepas beliau dibebaskan daripada tahanan pada tahun 1953.

Apabila saya bebas daripada tahanan pada tahun 1953, tiba-tiba saya dapati beliau menjadi wartawan merangkap wakil Utusan, di Kelantan. Dua hari setelah saya bebas dan bekerja semula di Utusan, saya menerima panggilan telefon daripadanya.

(“Ustaz”, 1995 : 818)

Keadaan yang digambarkan seperti dalam petikan tersebut sebenarnya adalah berdasarkan pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang bekerja semula dengan *Utusan Melayu* pada tahun 1953 selepas dibebaskan daripada tahanan di Pulau Sekijang.

Kebetulan pada tahun 1953 itu, saya kembali bekerja di Utusan Melayu setelah dua setengah tahun ditahan di Pulau Sekijang oleh Inggeris di bawah Undang-undang Darurat.

(A. Samad Ismail, 1993 : 188)

A. Samad Ismail juga dalam cerpen ini telah menggunakan pengalamannya sendiri sebagai ketua pengarang yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk berita dan rencana yang dihasilkan oleh wartawan-wartawan yang bekerja di

bawahnya. Ada kalanya berita yang ditulis oleh wartawan-wartawan tersebut tidak begitu baik dan terpaksa diolah semula oleh penyunting supaya sesuai dan dapat disiarkan dalam surat khabar. Pengalaman A. Samad Ismail yang terpaksa berhadapan dengan keadaan seperti ini ada tercatat seperti yang dapat digambarkan dalam petikan berikut:

Entah apakah kerjanya saya kurang jelas, tetapi dari pagi hingga dia pulang Pak Hashim tidak bangkit dari kerusinya, kecuali pada waktu makan atau kalau hendak ke tandas. Dia tidak boleh menaip dan rencananya yang tidak pernah pendek terpaksa disalin semula oleh kerani.

(A. Samad Ismail, 1993 : 182)

Ustaz Shafiq juga digambarkan oleh watak Samad dalam cerpen ini adalah seorang wartawan yang tidak begitu arif dan tidak cekap serta kurang berkemahiran dalam menulis berita-beritanya.

Berita-berita yang dikirim oleh Ustaz Shafiq melalui collect press jarang saya baca kerana terlalu panjang dan tidak tersusun. Bahasa Ustaz Shafiq amat teruk. Fakta dan maklumat penting terselit dan tersorok di celah-celah tulisan yang berbelit-belit.

("Ustaz", 1995 : 819)

Satu lagi cerpen yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail berdasarkan pengalamannya sendiri sebagai ketua pengarang seperti yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini adalah cerpen yang bertajuk "Belajar Agama". Dalam cerpen ini, A. Samad Ismail cuba mengungkapkan bahawa sebagai ketua pengarang, beliau bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan masalah kerja wartawan-wartawan lain, bahkan ada kalanya terpaksa menyelesaikan pula masalah peribadi atau masalah keluarga mereka. Menurut A. Samad Ismail, pengarang yang

sesungguhnya pengarang hidup seperti orang terbuang di sebuah pulau di tengah lautan dalam. Pengarang sering sendirian sahaja, terasing dan tersisih daripada umum. Dia terpaksa membuat keputusan secara sendirian, membuat pertimbangan secara sendirian dan membuat hukuman juga secara sendirian. Seseorang pengarang juga mungkin bermuafakat dahulu dengan teman-teman wartawannya yang lain tetapi keputusan akhir tetap terserah kepada budi bicaranya sendiri (1993 : 184).

“Belajar Agama” mengisahkan tentang Encik Dollah adalah seorang ketua di sebuah syarikat surat khabar. Isterinya, iaitu Zaiton belajar agama dengan Ustazah Khatijah yang juga adalah isteri kepada Tahir yang bertugas sebagai penyunting di syarikat akhbar yang sama dengan Encik Dollah. Tahir adalah seorang kaki judi, pemabuk dan kaki perempuan. Ustazah Khatijah yang tidak mengetahui tentang perangai buruk suaminya itu sering memuji-muji suaminya di hadapan Zaiton dan murid-muridnya yang seramai lebih kurang dua puluh orang itu. Walau bagaimanapun, kelas agama kendalian Ustazah Khatijah itu terpaksa dibubarkan apabila dia mendapat tahu tentang perangai buruk suaminya iaitu Tahir. Kelas agama itu terpaksa dibubarkan kerana Ustazah Khatijah sibuk mencari bomoh bagi memulihkan perangai buruk suaminya itu.

Sesuatu yang ingin disampaikan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen ini adalah, berdasarkan pengalamannya sebagai ketua pengarang beliau perlu sentiasa bertindak bijak dalam menyelesaikan masalah-masalah yang ada kalanya bersifat peribadi. Dalam cerpen ini, misalnya A. Samad Ismail telah menggambarkan bagaimana Dollah terpaksa berhadapan dengan masalah yang menimpa Tahir kerana sikap buruknya sendiri. Tahir kerap putus wang kerana tabiatnya yang suka berjudi, minum arak dan juga kaki perempuan. Selain menasihatkan Tahir, Encik Dollah

juga cuba menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh Tahir dengan menggalakkan isterinya, Zaiton supaya belajar agama dengan isteri Tahir iaitu Ustazah Khatijah.

Tetapi saya galakkan Zaiton belajar dengan Ustazah Khatijah. Sekurang-kurangnya secara tidak langsung saya dapat menolong Tahir.

(“Belajar Agama”, 1995 : 351)

Lima ringgit sebulan untuk tiap seorang; lapan atau sepuluh orang jadi empat puluh atau lima puluh ringgit. Kalau kelas itu ramai – dua puluh orang – jadi seratus ringgit sebulan. Soal elau Tahir akan selesai dengan sendirinya, fikir saya.

(“Belajar Agama”, 1995 : 354)

Berdasarkan pengalaman A. Samad Ismail sendiri sebagai ketua pengarang, beliau sentiasa mengharapkan yang terbaik daripada wartawan-wartawan yang bekerja dengannya. Harapan beliau yang tinggi inilah menjadikan ada kalanya A. Samad Ismail seorang yang sangat kasar dan ditakuti oleh orang-orang bawahannya seperti yang telah digambarkannya dalam petikan berikut:

Tahun demi tahun lahirlah semacam mitos menyelubungi diri saya, bahawa saya kononnya perengus, bengis, garang, dan sebagainya.

(A. Samad Ismail, 1993 : 183)

Seperti sikap A. Samad Ismail, Encik Dollah dalam cerpen “Belajar Agama” juga telah digambarkan oleh wartawan-wartawan yang bekerja dengannya sebagai ketua yang agak garang dan mempunyai mood yang tidak menentu.

Tetapi seperti kata pemberita-pemberita di office, “Cik Dollah ada angin. Kadang-kadang dia baik, kadang-kadang dia seperti orang turun

hantu.” Kali ini, “angin” saya kebetulan baik pula.

(“Belajar Agama”, 1995 : 361)

Sebagai seseorang yang telah begitu lama terlibat dalam bidang persuratkhabaran, A. Samad Ismail memang banyak menyimpan berbagai-bagai pengalaman dan peristiwa suka duka. Pengalamannya sama ada sebagai wartawan atau pengarang memberikan kesempatan kepadanya untuk bertemu dengan pelbagai ragam manusia dan berita. Rempah-ratus tentang ragam manusia dan bermacam-macam berita yang ditemuinya banyak digunakannya dalam karya-karya penulisan kreatif yang dihasilkannya. Sejumlah besar karya-karya tersebut terutamanya yang berbentuk cerpen memang banyak memaparkan tentang kehidupan wartawan sendiri terutamanya tentang pengalaman A. Samad Ismail yang bermula sebagai seorang wartawan yang ‘kosong’ dan tidak tahu tentang apa-apa sehingga beliau menjadi seorang tokoh wartawan dalam dunia persuratkhabaran negara.

4.4 Pengalaman Semasa Pendudukan Jepun

A. Samad Ismail menyatakan bahawa perang itu penting bagi orang-orang Melayu kerana pertama kali orang Melayu dan juga penduduk Malaya melihat dan sedar bahawa penjajah Inggeris tidak segagah yang disangkakan dan satu bangsa Asia telah dapat mengalahkan satu bangsa dari barat yang segagah Inggeris. Keadaan ini telah mencetuskan nasionalisme Melayu dan kebetulan pula dalam zaman Jepun itu tidak ada perbatasan antara Malaya, Singapura dan Indonesia (Azhar Wahid, 203 : 65).

Menurut Azhar Wahid lagi (203 : 65), peranan cerpen-cerpen Melayu pada ketika itu kebanyakannya jelas menunjukkan nada-nada propaganda tentang

kebaikan pemerintahan Jepun, terutamanya tentang semangat perjuangan dan kesedaran mempertahankan negara. Walau bagaimanapun, cerpen-cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail bukanlah benar-benar mengamalkan hasrat pemerintah Jepun itu semata-mata tetapi sebaliknya beliau telah berusaha untuk menyedarkan masyarakat dan juga bangsa Melayu supaya memahami, menghayati dan memikirkan sebaik-baiknya tentang segala amanat di sebalik setiap karya yang disajikan kepada para pembaca.

A. Samad Ismail telah mula menjadi ketua pengarang untuk *Berita Malai* semasa zaman pendudukan Jepun. Antara cerpen yang mengungkapkan amanat dan juga pengalaman A. Samad Ismail yang telah dihasilkannya semasa zaman pendudukan Jepun adalah seperti cerpen-cerpen yang bertajuk “Ubi Kayu”, “Ke Bintan-To”, “Budak-budak Main Soldadu”, “Ah Khaw Masuk “Syurga””, “Pak Yak Mahu Kahwin” dan “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”.

Cerpen “Budak-budak Main Soldadu” misalnya telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail ketika beliau masih lagi bertugas di *Berita Malai*. Seperti cerpen-cerpen lain yang dihasilkan semasa pendudukan Jepun, cerpen ini juga adalah sebagai satu propaganda Jepun untuk mengukuhkan penguasaannya ke atas Malaya, Singapura dan Indonesia pada masa itu. Melalui cerpen ini juga, A. Samad Ismail bukan sahaja berjaya menyampaikan propaganda seperti yang dikehendaki oleh pihak Jepun, malah lebih daripada itu cerpen ini juga telah menyelitkan mesej kepada orang ramai agar berusaha untuk membebaskan diri daripada penjajahan.

Cerpen yang bertajuk “Budak-budak Main Soldadu”, jika dibaca sekali lalu seolah-olah tidak ada bezanya dengan cerpen-cerpen lain yang telah dihasilkan oleh

A. Samad Ismail. Namun, jika diteliti secara lebih terperinci, cerpen ini telah dihasilkan dengan tujuan untuk menanam sikap perjuangan di kalangan rakyat di negara ini. Mesej ini terpaksa dilakukan secara tersirat oleh A. Samad Ismail memandangkan pada masa itu, semua akhbar adalah di bawah kawalan pihak Jepun dan semua berita akan ditapis terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk disiarkan seperti dalam contoh petikan berikut:

Ketua saya waktu itu bernama Komaki, seorang pegawai awam yang fasih berbahasa Melayu. Tiap hari naskhah Berita Malai harus dikirim kepadanya untuk ditelitiinya sebelum diluluskan untuk diterbitkan.

(A. Samad Ismail, 1993 : 212).

Apabila kesedaran timbul di kalangan para penulis khasnya dan orang-orang Melayu amnya, iaitu tentang kekejaman yang telah dilakukan oleh Jepun, mereka dengan secara halus pula telah melahirkan karya-karya yang simbolik sifatnya. Penciptaannya telah dilakukan dengan teliti sehingga tidak dapat dikesan oleh pihak sensor Jepun. Sekalipun para penulis dikatakan menjadi alat, namun kebanyakan mereka mengambil kesempatan untuk memperalatkan propaganda itu dengan memuatkan karya-karya yang sangat dalam dari aspek pemikirannya (Azhar Wahid, 2003 : 58). A. Samad Ismail amat menyedari akan senario ini dan menurut beliau adalah menjadi tanggungjawabnya pula untuk mengubah pandangan dan nilai hidup bangsanya pada masa itu seperti yang telah dicatatannya dalam petikan berikut:

Sungguhpun menyedari sekali Berita Malai menjadi alat propaganda Jepun, namun saya dan teman-teman merasakan sangat tugas dan tanggungjawab kami untuk mengubah nilai dan pandangan hidup bangsa.

(A. Samad Ismail, 1993 : 216)

A. Samad Ismail sebagai wartawan di sebuah akhbar yang berada di bawah kawalan Jepun dan juga sebagai pengarang hasil-hasil kreatif pada masa itu cuba menyelitkan aspek pemikiran dan pengalaman berkarya dalam zaman Jepun ini dalam cerpen “Budak-budak Main Soldadu” berdasarkan petikan berikut:

Dan mengapa pula baru sekarang ini budak-budak itu suka main soldadu – padahal pada masa dahulu mereka gemar dengan main guli, gasing dan layang-layang. Kekalahan British di Malaya sangat besar dan parah. Orang Melayu baik yang tua, mahupun yang muda, baik yang besar mahupun yang kecil, telah melihat sendiri akan perjuangan itu.

(“Budak-budak Main Soldadu”, 1995 : 22-23)

Sebuah lagi cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail berdasarkan pengalaman beliau semasa zaman Jepun adalah cerpen yang bertajuk “Ubi Kayu”. Cerpen ini berlatarkan zaman Jepun yang penuh dengan penderitaan hidup di mana rakyat hidup dalam kesusahan di mana bekalan makanan pada masa itu sangat sukar untuk diperolehi. Oleh yang demikian, rakyat terpaksa beralih kepada ubi kayu sebagai makanan utama. Pada masa itu, wang tidak lagi mempunyai nilai tetapi ubi kayu menjadi barang yang paling bernilai dalam kehidupan rakyat pada masa itu seperti yang telah digambarkan oleh A. Samad Ismail dalam petikan cerpen tersebut:

Masa ini semua orang kasihkan ubi kayu; kepit, junjung dan julang ubi kayu; tidak ada lain yang dicakapkan melainkan ubi kayu; di dapur, di trem, di majlis kahwin – asyik ubi kayu, ubi kayu, dan ubi kayu; hingga mimpi pun kadang-kadang dari hal ubi kayu juga.

(“Ubi Kayu”, 1995 : 6)

Penderitaan hidup pada masa itu turut dialami oleh A. Samad Ismail kerana walaupun beliau bertugas sebagai wartawan dan diberi gaji dengan jumlah 300

ringgit sebulan wang Jepun, tetapi kerana nilai wang tersebut tidak ada maka beliau turut merasai kesulitan hidup pada masa itu. Cuma, nasib A. Samad Ismail agak baik kerana beliau masih mendapat bekalan beras walaupun dalam jumlah yang terhad. Oleh yang demikian, seperti orang lain juga, beliau dan keluarganya terpaksa bergantung kepada ubi kayu seperti yang telah dicatatkannya seperti berikut:

Hidup saya tidak banyak bezanya dari hidup kebanyakan penduduk Singapura waktu itu. Makin lama, hidup saya kian merosot. Mata wang Jepun tidak bernilai. Saya membawa bekalan nasi goreng dari rumah, atau ubi dan keledek rebus tidak lama selepas Jepun menguasai Singapura.

(A. Samad Ismail, 1993 : 217)

Pengalaman A. Samad Ismail yang pernah mengalami keadaan di mana mata wang Jepun tidak memberi sebarang erti dan tidak mempunyai nilai dalam zaman Jepun itu turut diselitkan dalam cerpen “Ubi Kayu” ini.

“Eh, tengok itu!” katanya seraya menunjukkan bakul kami yang berisi sarat dengan ubi kayu. “Tengok itu,” katanya lagi, “Kertas basah ini masih boleh laku ..., tapi tak lawanlah dengan itu yang di dalam bakul... Itulah yang lebih isinya. Ini tidak!” katanya dengan suara yang nyaring sambil ketawa.

(“Ubi Kayu”, 1995 : 12)

Kemerosotan taraf hidup dan penderitaan yang dialami oleh penduduk pada masa itu terus dinyatakan oleh A. Samad Ismail dalam sebuah lagi karya cerpennya yang bertajuk “Ke Bintan-To”. Cerpen yang masih berlatarkan zaman pendudukan Jepun, mengisahkan tentang Encik Mahmud yang pernah bekerja sebagai kerani besar semasa zaman sebelum perang telah pergi ke Bintan-To bersama keluarganya untuk membuka ladang. Pemergiannya ke sana adalah sebagai menyahut seruan

pihak Jepun agar orang ramai berpindah ke Pulau Bintan untuk membuka ladang-ladang pertanian.

Apabila membaca cerpen ini, kita akan dapat merasakan bahawa watak Encik Mahmud yang ditimbulkan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen ini adalah berdasarkan kepada watak realiti Ishak Haji Muhammad yang juga merupakan teman sekerja A. Samad Ismail. A. Samad Ismail telah menjadi ketua pengarang *Berita Malai* selepas Ishak Haji Muhammad melepaskan jawatan tersebut kerana berpindah ke Pulau Bintan untuk membuka ladang pertanian.

Ishak kemudian berhijrah ke Bintan untuk menyertai projek cucuk tanam anjuran kerajaan Jepun. Ketika itu, Jepun menggalakkan rakyat bertani dan beberapa ladang pertanian dibuka oleh Jepun di Tanah Melayu.

(A. Samad Ismail, 1993 : 218)

Melalui cerpen ini juga, A. Samad Ismail sebenarnya ingin menyampaikan bahawa melalui persahabatannya dengan Ishak Haji Muhammad, beliau mengetahui bahawa sebenarnya Ishak Haji Muhammad sangat kecewa dengan pentadbiran Jepun. Ishak Haji Muhammad amat mengharapkan agar kehidupan rakyat bertambah senang dan makmur dengan kedatangan Jepun namun perkara yang sebaliknya berlaku iaitu rakyat terpaksa hidup menderita. Hal ini sebenarnyalah yang telah mendorong Ishak Haji Muhammad untuk berhijrah ke Pulau Bintan untuk menjadi petani seperti yang telah digambarkan dalam petikan berikut:

Sudah tentu juga pemergian Ishak ke Pulau Bintan adalah refleksi dari kehampaan dan kekecewaannya terhadap Jepun.

(A. Samad Ismail, 1993 : 219)

Kekecewaan yang dialami oleh Ishak Haji Muhammad terhadap pentadbiran tentera Jepun ini juga turut terpancar melalui watak Encik Mahmud dalam cerpen "Ke Bintan-To". Encik Mahmud juga sebenarnya kecewa dengan kehidupannya yang bertambah sempit dengan kedatangan pihak Jepun sedangkan sebelum perang beliau hidup mewah dan senang.

*Mahmud pula bukan bodoh orangnya.
Fikirannya tidak singkat. Memang betul dahulu
hidupnya anak-beranak senang, walaupun
sekarang seperti orang kebanyakan sahaja.
Memang betul sekarang mereka makan bersukat.*

(“Ke Bintan-To”, 1995 : 15)

Akhirnya, Encik Mahmud dalam cerpen ini telah berhasil menjadi seorang petani yang berjaya setelah membuka ladang pertanian seluas empat ekar di Pulau Bintan. Hal ini juga sebenarnya selaras dengan hasrat dan propaganda tentera Jepun yang menggalakkan rakyat terlibat dan menjadi petani dengan membuka lebih banyak ladang pertanian.

Sebuah lagi cerpen yang berdasarkan pengalaman sebenar A. Samad Ismail semasa pendudukan Jepun adalah cerpen yang bertajuk "Rumah Kedai Di Jalan Seladang". Cerpen "Rumah Kedai Di Jalan Seladang" yang telah ditulis oleh A. Samad Ismail ini mengimbas kembali kepada kehidupannya semasa zaman remaja dalam masa pendudukan Jepun. Selama tiga tahun setengah pendudukan Jepun adalah zaman yang amat berkesan sekali membentuk diri A. Samad Ismail sebagai seorang remaja. Cerpen "Rumah Kedai Di Jalan Seladang" telah disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* bulan September, 1988 dan pernah juga dipentaskan oleh Johan Jaafar sempena menyambut *Malaysia Fest* (Azhar Wahid, 2003 : 72).

“Rumah Kedai Di Jalan Seladang” berkisar tentang penderitaan hidup penghuni sebuah rumah kedai di Jalan Seladang. Rumah tersebut dihuni oleh Mak Wan bersama anak perempuannya yang bernama Kalthum berserta beberapa orang wanita yang bekerja di sebuah kelab hiburan yang bernama Leha, Nani dan Tina. Rumah tersebut turut didiami oleh Juki dan Gopal yang turut membantu dalam kehidupan sehari-hari penghuni rumah itu. Nani mempunyai seorang kekasih yang bernama Takahashi iaitu seorang tentera Jepun dan Leha pula menjadi perempuan simpanan kepada Datuk Maarof. Kehidupan penghuni rumah tersebut yang mewah hasil perhubungan Nani dan Leha dengan Takahashi dan Datuk Maarof berubah menjadi susah apabila Takahashi ditangkap oleh askar-askar Jepun kerana didapati mengambil barang tentera tanpa kebenaran sementara Datuk Maarof pula mati lemas di laut. Keadaan menjadi semakin sulit apabila Kalthum mlarikan diri dari rumah. Juki dan Gopal turut ditangkap oleh tentera Jepun dan tidak diketahui khabar berita mereka. Tina telah meninggal dunia setelah beberapa lama menderita kerana penyakit lelah sementara Leha dan Nani pula telah meninggalkan rumah itu untuk membawa haluan masing-masing. Akhirnya, Mak Wan tinggal keseorangan di rumah tersebut dan kadang-kala dilawati oleh Leman yang telah beraksi sebagai pencerita kepada kisah ini.

Cerpen ini sebenarnya berdasarkan pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang sememangnya telah berkenalan agak rapat dengan beberapa orang penari yang bekerja di Taman Hiburan New World. Perkenalan antara A. Samad Ismail dengan wanita-wanita tersebut adalah melalui Pak Sako iaitu nama pena bagi Ishak Haji Muhammad.

Ketika itu saya telah berkenalan dengan penghuni-penghuni rumah kedai di Jalan Lembu berdekatan dengan Taman Hiburan New World. Saya berkenalan dengan penghuni-penghuni rumah itu melalui Pak Sako.

(A. Samad Ismail, 1993 : 141)

Selepas perkenalan yang telah dimulakan oleh Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail telah bergaul dengan lebih rapat lagi dengan penghuni-penghuni rumah tersebut yang dipanggilnya ‘kak’ iaitu Kak Yam, Kak Munah dan Kak Som. Dalam cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, Leman iaitu watak utamanya telah turut berkenalan dengan tiga orang wanita yang menghuni di rumah kedai di Jalan Seladang yang dipanggilnya sebagai ‘kak’ iaitu, Kak Tinå, Kak Nani dan Kak Leha. Perkenalan tersebut bermula apabila Leman pergi ke taman hiburan tersebut kerana ingin meraikan kejayaanya yang baru lulus selepas belajar beberapa tarian barat.

Mereka baru lulus”ujian” berdansa daripada seorang guru tari dan malam itu mereka merayakan kelulusan mereka. Leman berpasangan dengan Leha.

(“Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, 1995 : 678)

Peristiwa tersebut sebenarnya adalah berdasarkan pengalaman A. Samad Ismail sendiri yang pergi ke taman hiburan itu bersama beberapa orang rakannya dengan tujuan yang sama dengan Leman dalam cerpen ini.

Sejak malam pertama saya ke rumah itulah saya berkenalan dengan penghuni rumah itu. Pada masa itu saya baru sahaja ‘lulus’ menari tarian waltz, foxtrot dan beberapa tarian Barat yang lain dan mula menguji kepandaian saya di taman-taman tarian.

(A. Samad Ismail, 1993 : 145)

A. Samad Ismail tinggal bersama keluarganya di Kampung Melayu walaupun selepas beliau berumahtangga dan mempunyai beberapa orang anak. Oleh yang demikian, kehidupan beliau agak terkongkong dan dilarang keras daripada melakukan berbagai-bagai perkara seperti tidak boleh menari dan menyanyi di rumah, tidak boleh menggantung gambar foto di dinding, waktu maghrib mesti berada di rumah, tidak boleh bergaul dengan gadis-gadis di kampung dan sebagainya. Kehidupan A. Samad Ismail hanya agak bebas apabila beliau mula bekerja dan mempunyai wang sendiri (1993 : 76-77). Keadaan hidup yang dialami oleh A. Samad Ismail ketika tinggal bersama keluarganya ini telah turut dialami oleh Leman dalam cerpen “Rumah Kedai Di Jalan Seladang”.

Leman pun terkongkong pada suatu waktu dahulu, oleh tradisi dan adat. Tidak boleh keluar dari rumah waktu maghrib; tidak boleh menyanyi apalagi bersiul di rumah; tidak boleh bermain muzik di rumah kawan pada malam Jumaat; tidak boleh melukis gambar manusia; tidak boleh menghias bilik tidurnya dengan gambar-gambar foto orang. Mesti bersopan pada orang tua, mencium tangan ulama kampung, memakai songkok apabila ke rumah keluarga. Akhirnya dia bekerja dan apabila mempunyai wang sendiri dia berasa bebas, untuk berbuat sesuatu sebanyak sedikit mengikut kehendaknya.

(“Rumah Kedai Di Jalan Seladang”, 1995 : 684)

Leman mempunyai hubungan yang baik dengan semua penghuni rumah kedai di Jalan Seladang. Walaupun selepas berlaku peristiwa yang menyediakan terhadap penghuni-penghuninya sehingga meninggalkan Mak Wan keseorangan di rumah itu, Leman tetap mengunjunginya kerana berasa simpati dan berasa bertanggungjawab untuk memantau keadaan Mak Wan yang telah lumpuh. Hal yang sama sebenarnya telah dialami sendiri oleh A. Samad Ismail di mana selepas

perkenalannya dengan semua penghuni di rumah tersebut, beliau terus mempunyai perhubungan yang baik dengan mereka walaupun selepas Ishak Haji Muhammad yang bertanggungjawab memperkenalkan mereka telah berpindah ke Pulau Bintan untuk membuka ladang dan menjadi petani seperti petikan berikut berikut:

Bila ibu dan ayah bertanya mengapa saya jarang pulang ke rumah, saya bohongi mereka bahawa kerja saya terlalu banyak di pejabat. Waktu itu juga saya tinggal di rumah girl friend Pak Sako di Lembu Road, dekat New World. Pak Sako telah pun berhijrah ke Pulau Bintan untuk bercucuk tanam bersama keluarganya. Saya tidak saja mempusakai jawatannya sebagai Ketua Pengarang Berita Malai tetapi mempusakai rumahnya di Lembu Road.

(A. Samad Ismail, 1993 : 230)

Sememangnya selepas mengkaji cerpen ini, kita akan dapat melihat bagaimana A. Samad Ismail telah menggunakan pengalamannya sendiri untuk menghasilkan cerpen tersebut. A. Samad Ismail bukan sahaja telah menggunakan pengalamannya sendiri tetapi lebih daripada itu, beliau ingin menampilkan bahawa, berdasarkan perhubungannya dengan semua penghuni di rumah kedai di Jalan Lembu itu, manusia sanggup melakukan apa sahaja untuk melepaskan diri daripada penderitaan yang dialami akibat peperangan.

Zaman pendudukan Jepun memang merupakan satu fasa yang penting dalam hidup A. Samad Ismail. Keadaan pada masa itu bukan sahaja telah mendewasakan A. Samad Ismail dalam bidang kewartawanan apabila dilantik sebagai Ketua Pengarang Berita Malai, tetapi juga telah mendewasakan beliau dalam erti kehidupan yang sebenarnya selepas mengalami pelbagai peristiwa suka duka dalam zaman perang. Peristiwa suka duka yang dialami oleh A. Samad Ismail ini turut

dapat kita nikmati melalui cerpen-cerpen yang dihasilkannya kerana banyak pengalamannya yang telah diselitkannya ke dalam cerpen-cerpen tersebut.

4.5 Pengalaman Sebagai Orang Tahanan

A. Samad Ismail pernah ditahan sebanyak tiga kali oleh pihak berkuasa. Kali pertama beliau ditahan adalah pada tahun 1946 selepas Inggeris mengalahkan Jepun dan menduduki kembali Singapura. Kali kedua penahanan beliau berlaku pada tahun 1951 apabila pihak Inggeris mengenakan beberapa pertuduhan ke atasnya di bawah Undang-undang Darurat. Bagi penahanan kali kedua ini, A. Samad Ismail telah ditahan selama hampir tiga tahun dan hanya dibebaskan pada tahun 1954. A. Samad Ismail telah ditahan bagi kali ketiga selama hampir lima tahun pada tahun 1976 di bawah ISA dan beliau hanya dibebaskan pada tahun 1981.

Seperti pengalaman-pengalaman hidupnya yang lain dan berlaku dalam beberapa peringkat hidupnya yang berbeza, A. Samad Ismail turut menjadikan pengalamannya yang pernah ditahan sebanyak tiga kali itu sebagai rempah-ratus dalam karya-karyanya yang kebanyakannya terdiri daripada cerpen. Pengalamannya sebagai orang tahanan dengan secara jelas telah dicoretkannya dalam cerpennya yang bertajuk “Menunggu Teman Bebas”.

Pengalaman A. Samad Ismail sebagai orang tahanan ini telah direfleksikannya melalui watak Anwar dalam cerpen ini. Cerpen “Menunggu Teman Bebas” mengisahkan tentang Anwar iaitu seorang wartawan yang juga merangkap Timbalan Ketua Pengarang bagi akhbar *Warta Rakyat* yang telah ditahan di Pulau Sikijang atas tuduhan mengganggu keselamatan umum. Anwar mempunyai pengaruh yang sangat besar di kalangan wartawan, ahli-ahli kesatuan sekerja dan

beliau turut terlibat dengan pergerakan berhaluan kiri. Selepas ditahan selama tiga tahun, barulah terdengar khabar angin yang menyatakan beliau akan dibebaskan. Berita tentang pembebasan Anwar itu telah disambut dengan pelbagai reaksi oleh berbagai-bagi pihak terutamanya oleh orang-orang yang mengenalinya seperti kawan-kawannya di akhbar *Warta Rakyat* terutamanya Sidek. Sidek adalah Ketua Pengarang *Warta Rakyat* dan dia merasakan kedudukannya itu akan terancam jika Anwar kembali semula kepada akhbar tersebut. Walau bagaimanapun, akhirnya Sidek terpaksa mengakui hakikat bahawa *Warta Rakyat* amat memerlukan Anwar berdasarkan kebolehan dan pengaruh Anwar bagi bersaing dengan akhbar-akhbar harian yang lain.

Dalam cerpen “Menunggu Teman Bebas”, A. Samad Ismail sebenarnya telah menggunakan pengalamannya yang ditahan bagi kali kedua pada tahun 1951 sebagai latarnya. Bagi penahanan bagi kali kedua ini, A. Samad juga seperti watak Anwar telah ditahan di Pulau Sikijang.

Tetapi saya ditahan terus, mulanya di Penjara Changi, kemudian dipindahkan ke Pulau Sikijang yang telah dijadikan pusat tahanan untuk mereka yang ditangkap di bawah Undang-undang Darurat British.

(A. Samad Ismail, 1993 : 158)

Dengan jelas, A. Samad Ismail telah turut memberikan pengalamannya yang telah ditahan sebanyak dua kali oleh pihak Inggeris itu kepada Anwar dalam cerpen “Menunggu Teman Bebas” ini.

Sudah dua kali Anwar meringkuk dalam tahanan. Pertama sekali dalam tahun 1945, selama beberapa bulan selepas British kembali ke

Singapura dan keduanya, kali ini pula, dari sejak tahun 1951, hingga hari ini.

(“Menunggu Teman Bebas”, 1995 : 446)

Penahanan Anwar tersebut telah mendapat bantahan bukan sahaja oleh rakyat tempatan tetapi juga oleh sebuah akhbar yang bersifat kolonial iaitu *Daily Herald*.

Pemimpin-pemimpin politik di Tanah Melayu terang-terang membela orang-orang tahanan. Apa lagi Daily Herald, telah menyiarkan surat-surat dan berita-berita tentang ucapan yang berapi-api daripada pemimpin-pemimpin politik yang membela orang-orang tahanan itu.

(“Menunggu Teman Bebas”, 1995 : 448)

Penahanan Anwar yang mendapat bantahan daripada rakyat, pemimpin-pemimpin politik dan surat khabar yang bersifat kolonial seperti *Daily Herald* juga merupakan imbasan pengalaman kepada bantahan yang diterima apabila A. Samad Ismail ditahan.

Penahanan saya menggemparkan rakyat baik di Singapura pun di Tanah Melayu. Suara di parlimen dan akhbar-akhbar London menuntut kami diadili di mahkamah terbuka, atau dibebaskan sahaja.

(A. Samad Ismail, 1993 : 158)

A. Samad Ismail menyatakan bahawa kedua-dua penahanannya itu adalah berkaitan dengan penglibatannya dalam bidang politik.

Kedua-dua penahanan itu berhubung kait dengan kegiatan saya dalam politik.

(A. Samad Ismail, 1993 : 1600)

Penahanan Anwar dalam cerpen "Menunggu Teman Bebas" juga berpunca daripada penglibatannya dalam bidang politik

"Sayang sedikit, terlalu banyak politik!" James senyum, menoleh kepada Sidek. Ya, Anwar terlalu besar minatnya pada politik.

(“Menunggu Teman Bebas”, 1995 : 445)

Ketika Anwar dalam tahanan, akhbar *Warta Rakyat* cuba memisahkan penahanan Anwar dengan akhbar tersebut agar tidak menjelaskan kedudukan akhbar tersebut di mata pemerintah Inggeris. Tindakan *Warta Rakyat* itu tidak disenangi oleh Anwar kerana menganggap akhbar tersebut tidak cuba membelaanya walaupun beliau telah banyak berjasa kepada akhbar tersebut.

Anwar merungut dalam suratnya kepada Yazid beberapa bulan yang lalu bahawa Warta Rakyat, seperti tidak tahu kedudukan Anwar.

(“Menunggu Teman Bebas”, 1995 : 472)

Hal ini sebenarnya telah turut menimpa A. Samad Ismail yang pada masa penahanannya itu beliau sedang berkhidmat dengan akhbar *Utusan Melayu*.

Oleh itu, apabila berita penangkapan saya disiarkan, Utusan agak seperti kebingungan memberikan gelaran kedudukan rasmi saya dalam hirarki sidang pengarang Utusan.

(A. Samad Ismail, 1993 : 161)

Selepas dibebaskan daripada penahanannya bagi kali kedua ini, A. Samad Ismail telah bekerja kembali dengan *Utusan Melayu*.

Oleh itu salah satu masalah yang saya hadapi di Utusan Melayu sekembalinya saya daripada tahanan darurat di Pulau Sikijang pada tahun

1953 ialah menyusun semula jabatan pengarang serta dasar surat khabar Utusan.

(A. Samad Ismail, 1993 : 189)

Kembalinya A. Samad Ismail ke pangkuhan *Utusan Melayu* selepas dibebaskan dari Pulau Sikijang telah turut dialami oleh Anwar dalam cerpen "Menunggu Teman Bebas". Selepas dibebaskan daripada tahanan, Anwar telah kembali semula dengan akhbar *Warta Rakyat*.

Jelaslah dia harus membuat keputusan itu segera. Dia harus mengambil Anwar bekerja semula.

("Menunggu Teman Bebas", 1995 : 468)

"Terima Kasih," kata Anwar sebelum sempat Sidek berkata apa-apa lagi, suaranya terharu, dan matanya basah, sambil memegang erat tangan temannya. "Terima kasih atas keyakinan kau terhadap aku selama aku dalam tahanan. Dan pengertian kau terhadap perjuanganku."

("Menunggu Teman Bebas", 1995 : 476)

Cerpen "Menunggu Teman Bebas" memang sesungguhnya sebuah cerpen yang mencatatkan pengalaman pahit A. Samad Ismail ketika ditahan di Pulau Sikijang. Sesuatu yang menarik dalam cerpen ini adalah kita bukan sahaja dapat mengerti dan memahami penderitaan yang dialami oleh A. Samad Ismail serta pergolakan jiwa yang dilaluinya, malahan kita juga dapat melihat pergelutan dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memperjuangkan pembebasannya. Apabila beliau dibebaskan daripada tahanan, beliau telah disanjung dan dianggap sebagai pejuang bangsa oleh rakyat walaupun kepahitan kesan penahanannya itu hanya dirasai dan dialami oleh dirinya dan keluarganya sahaja. A. Samad Ismail berasa sangsi dan tidak pasti dengan masa depannya yang

menyebabkan beliau berasa kecewa dalam perjuangannya yang dirasakan tidak membawa manfaat bukan sahaja kepada dirinya tetapi juga kepada bangsa (A. Samad Ismail, 1993 : 179).

4.6 Penutup

Kesimpulannya, setelah membincangkan pengalaman yang telah dilalui dan dialami oleh A. Samad Ismail yang kemudiannya telah menggunakan pengalaman tersebut dalam karya-karyanya yang berbentuk cerpen telah membuktikan bahawa pengalaman-pengalaman tersebut sememangnya sangat berharga serta tidak boleh dipisahkan daripada dirinya. Pengalaman tersebutlah yang telah membentuk diri dan keperibadian yang ada dalam diri A. Samad Ismail pada hari ini dan menjadikan cerpen-cerpen yang dihasilkannya unik, hidup dan tidak jemu untuk terus dibaca.

Cerpen-cerpen tersebut bukan sahaja mengambil pengalaman dirinya semata-mata tetapi turut menggunakan pengalaman individu-individu yang dikenalinya dan secara tidak langsung juga keadaan ini adalah merupakan gambaran masyarakat yang berada di sekelilingnya. Segala-gala yang telah diungkap dan dihasilkan dalam cerpen-cerpennya, sebenarnyalah memang merupakan pengalaman yang telah dialami sendiri oleh A. Samad Ismail sama ada secara fizikal, mental maupun kejiwaan.

Pada hakikatnya, dapat diperhatikan bahawa sebahagian besar cerpen yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini amat menepati teori dialogisme dari aspek pengalaman. Hal ini bertepatan dengan pendapat Mikhail Bakhtin sendiri bahawa, unsur pengalaman itu amat penting dalam pembentukan sesebuah teks kerana pengalaman merupakan hasil

kepada hubungan sosial dan dapat pula menerangkan tentang hakikat kewujudan manusia itu sendiri dan secara langsung kita dapat mengetahui serta memahami manusia yang ada di sekeliling kita.